

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament
PENGGAL KEEMPAT
Fourth Session
MESYUARAT KEDUA
Second Meeting

Jilid IV

Bil. 32

Hari Rabu

22 Julai 1998

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT (Ruangan

RANG UNDANG-UNDANG:

- Rang Undang-undang Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 (Ruangan

USUL:

- Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Ruangan

UCAPAN PENANGGUHAN:

- Penghapusan Etnik di Kosovo Memerlukan Tindakan Tegas Negara-Negara Islam Termasuk Malaysia.
 - *Y.B. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood [Tumpat]* (Ruangan

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, S.P.M.P., S.P.C.M., S.S.A.P., D.U.P.N., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., DPMS, PCM, AMN (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, D.G.P.N, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas, Tun Dato' Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P.)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

- “ Menteri Pendidikan, Dato’ Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- “ Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed bin Rahmat, D.G.S.M., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.D.K., S.S.S.A., S.P.M.T., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.S.I., B.S.I. (Pagoh)

- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Dato’ Chua Jui Meng, S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Senator Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K., J.S.M, J.P.
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., S.P.M.P., D.P.M.K., D.S.S.A, D.S.A.P., D.P.CM., A.M.P., A.M.K (Pasir Salak)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K, J.S.M.
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)

- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., .D.P.M.S. (Selayang)

- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)

- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K. (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato’ Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)

- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)

- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Haji Hashim bin Jasin (Arau)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Patch Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)

- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)

- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Nointien, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)

- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)

- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K.
(Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir
Mas)
- “ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N.,
P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

- Setiausaha Dewan Rakyat : Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan,
P.S.D., J.S.D., K.M.N.
- Ketua Penolong Setiausaha : Zamani bin Haji Sulaiman
: Haji Mustakin bin Salamat
- Penolong Setiausaha : Nor Hayatee binti Abdullah
: Haji Mustafa bin Abdul Rahman
: Ruhana binti Abdullah

CAWANGAN DOKUMENTASI PARLIMEN

- Pegawai Penerbitan : Azhari bin Hamzah
: Monarita binti Mohd. Hassan
- Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
: Hajah Supiah binti Dewak
: Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
: Mohamed bin Osman
: Hajah Norishah binti Mohd. Thani
: Shamsina binti Janor
- Pembaca Pruf : Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

- Bentara Mesyuarat: : Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul
Mutalib
: Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
: Mejar (B) Zakaria bin Salleh

DEWAN RAKYAT

Rabu, 22 Julai 1998

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN

**PENCEMARAN AIR - KAWALAN TERHADAP EFLUEN
PERINDUSTRIAN, KOMESIAL DAN DOMESTIK**

1. **Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan tahap kualiti air efluen perindustrian, komersial dan domestik yang boleh diterima oleh kementerian dan:-

- (a) apakah tindakan kawalan yang lebih berkesan terhadap efluen-efluen tersebut supaya dapat mengurangkan pencemaran air yang semakin serius; dan
- (b) berapa batang sungai dalam negara kita telah diiktiraf sebagai sungai mati (ketiadaan oksigen terlarut). Sila berikan nama sungai-sungai itu mengikut negeri.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tahap kualiti air efluen dari aktiviti perindustrian, komersial dan domestik ditentukan mengikut piawaian yang ditetapkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Efluen-efluen Perindustrian) 1979. Berdasarkan piawaian yang ditetapkan itu pada

keseluruhannya pelepasan efluen daripada aktiviti-aktiviti tersebut di atas mematuhi kehendak peraturan-peraturan berkenaan.

- (a) Bagi memastikan tindakan kawalan lebih berkesan Jabatan Alam Sekitar telah memperkemaskan pelaksanaan kerja-kerja penguatkuasaan di peringkat negeri bagi mengawasi punca-punca yang mencemar dan mengambil tindakan yang tegas terhadap pihak-pihak yang melakukan kesalahan tersebut. Pindaan juga telah dibuat kepada Seksyen 25 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dengan menaikkan denda terhadap pihak yang melakukan kesalahan dari RM10,000 kepada RM100,000 dan hukuman penjara dari tidak lebih daripada dua tahun kepada lebih daripada lima tahun.
- (b) Dari rekod jabatan ini terdapat hanya dua batang sungai sahaja di seluruh negara yang dikenal pasti sebagai sungai mati (ketiadaan oksigen terlarut). Sungai-sungai yang berkenaan adalah Sungai Korok di Kedah dan Sungai Rambai di Pulau Pinang.

Tuan Chang See Ten: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya harap Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri dapat memberikan penjelasan apa tindakan yang diambil oleh kementerian untuk menggemblengkan usaha dengan jabatan yang lain supaya dapat memulihkan tahap sungai yang sudah menjadi sungai mati kepada sungai yang ada mempunyai air yang mengandungi oksigen terlarut supaya dengan usaha ini dapat menjaga sumber air yang sangat kita perlukan.

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, memang usaha-usaha sedang dibuat oleh kementerian dengan Jabatan Parit dan Saliran bagi pencucian sungai-sungai yang kotor. Kita tahu apabila sungai-sungai ini tercemar ia

mempunyai 'dissolve oxygen' maka banyak ikan akan mati. Jadi itulah usaha-usaha pencucian ini sedang dijalankan dan rundingan sentiasa dibuat.

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini negara Thailand telah mengharamkan ternakan udang harimau di kawasan inland, kononnya industri ini boleh membawa pencemaran kepada air yang serius. Adakah kerajaan Malaysia juga akan menjalankan kajian impact terhadap ternakan udang harimau di inland di negara kita ini supaya menjaga kebersihan alam sekitar.

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, memanglah kerajaan mengambil berat tentang masalah-masalah begini, tentang sumber pencarian rakyat, tentang hidupan-hidupan di dalam laut dan air. Perkara yang m mendatangkan keburukan kepada rakyat, kepada nelayan-nelayan ataupun mereka yang mengusahakan udang-udang harimau atau lain-lain lagi, kalau ini mengganggu gugat akan pendapatan mereka, kerajaan akan bertindak. Jadi pembersihan sungai-sungai ini memang sedang diberi perhatian yang serius.

SAHAM AMANAH - BILANGAN PEMINJAM BANK

2. **Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Abdul Rahman [Sungai Benut]** minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) bilangan individu yang mendapatkan pinjaman bank untuk membiayai pembelian Amanah Saham Bumiputera dan lain-lain Amanah Saham dan nilai pinjaman tersebut; dan
- (b) bilangan individu yang telah menjual pegangan mereka kerana terpaksa menanggung kadar faedah yang tinggi dan nilai penjualan tersebut dan apakah rancangan kementerian bagi menjaga kepentingan pelabur Skim Amanah yang mendapat tekanan dari pihak bank.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:
Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada 30 Jun 1998 Saham-saham Amanah yang diuruskan oleh ASN Berhad dan dibiayai menerusi pinjaman bank ialah RM3,473 juta dan yang dicagarkan kepada bank-bank ialah RM6,448 juta, masing-masing 12% dan 23% dari jumlah saiz tabung keseluruhannya.
- (b) Kerajaan tidak mempunyai statistik mengenai bilangan individu yang telah menjual pegangan mereka kerana terpaksa menanggung kadar faedah yang tinggi. Walau bagaimanapun bank-bank telah bersetuju untuk mengurangkan beban para pelabur yang mempunyai pinjaman dengan mereka melalui langkah-langkah seperti memanjangkan tempoh pinjaman.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum kita menghadapi kegawatan ekonomi pada bulan Julai tahun lepas rata-rata prestasi Amanah Saham ini tidaklah begitu menggalakkan malah dalam keadaan sekarang ini pun saya rasa akan memberi kesan yang baik. Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri pernah mencadangkan satu masa tahun lepas supaya Amanah Saham ataupun Skim Amanah ini supaya dapat mempelbagaikan kegiatan mereka. Saya ingin tahu sejauh mana dalam keadaan ekonomi sekarang ini Amanah Saham ini dapat bertahan? Khususnya Amanah Saham Nasional, adakah Amanah Saham Nasional pada tahun ini mampu mempertahankan prestasi yang telah dicapai pada tahun lepas khususnya dalam pembayaran dividen dan bonus.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat sebelum kegawatan berlaku yang bermula 2 Julai tahun lepas pulangan-pulangan daripada Amanah Saham Nasional, Amanah Saham Bumiputera adalah melebihi kadar faedah simpanan tetap di bank iaitu

kalau pada masa itu kadar faedah simpanan tetap ialah 7% hingga 8% purata ataupun kalau saya ambil bilangan ataupun kadar yang didapati melalui Amanah-amanah Saham ini ialah daripada 11% hingga 13.75% iaitu melebihi. Jadi pulangannya adalah baik dan kalau pelabur-pelabur atau penyimpan wang hendak memilih tentu sekali mereka memilih tabung amanah ini tetapi selepas berlaku kegawatan yang mana keseluruhan nilai-nilai stock di dalam KLSE telah jatuh, Amanah-amanah Saham ini pun tidak ketinggalan merasai kedudukan itu. Tetapi sejauh mana ASN khususnya dapat bertahan, pada pendapat saya berasaskan kepada keuntungan ASN yang lalu dan juga berasaskan rizab yang ada pada ASN, jikalau kegawatan ini tidak berlarutan sampai tiga tahun, empat tahun saya fikir ASN dapat bertahan dengan membeli saham-saham yang tinggi mutunya tetapi pada masa ini adalah di paras harga yang cukup rendah dan saya pasti memang management ASN ataupun PNB pada keseluruhannya sedang melakukan ini dan insya-Allah jikalau ekonomi kita dapat beralih pada hujung tahun ini, insya-Allah segala langkah-langkah pembelian 'blue chips' misalannya yang harganya, Maybank RM3 dapat dibeli dengan banyak insya-Allah ianya dapat mengatasi masalah yang dihadapi selama lebih setahun ini. Jadi jawapannya ASN, insya-Allah, dapat bertahan di dalam keadaan ini.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa ramai pembeli Amanah Saham Bumiputera dan ASN yang telah bercagar kepada bank-bank oleh kerana kegawatan ekonomi tidak dapat membayar instalment bulanan. Jadi di dalam hal ini bagaimanakah kerajaan dapat menolong mereka, adakah satu dari caranya dengan mengambil alih pembayaran oleh kerajaan.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat dari Teluk Intan dengar jawapan saya betul-betul tadi saya kata bank-bank sedang melakukan pemanjangan pembayaran itu adalah satu pertolongan

yang baik dan cadangan Yang Berhormat untuk kerajaan mengambil balik kerana saya selalu menyatakan kepada Yang Berhormat di dalam perbahasan. Di dalam hal ini ada perbezaan 'world of different', dengan izin, di antara penabungan dengan pelaburan. Sesiapa yang melakukan pelaburan dia mesti menanggung risiko, jadi kalau dia terhutang dengan bank kena ikhtiarlah bayar kepada bank. Bank telah pun menolong memanjangkan masa pembayaran, itu satu pertolongan bank. Jadi kalau dia hutang mestilah bayar. Di dalam Al-Qur'an sendiri pun dikatakan kalau kita hutang mesti bayar. Jadi mengapa kerajaan harus mengambil alih perkara ini. Yang Berhormat kalau rugi, rugilah sedikit, selepas itu cari masa untuk untung.

[Soalan No. 3 - Y.B Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru) tidak hadir]

BANK NEGARA MALAYSIA - MENSTABILKAN RINGGIT DI PASARAN MATA WANG

4. **Tuan Abdul Aziz bin Mohd Yassin [Muar]** minta Menteri Kewangan menjelaskan apakah sebab-sebabnya tiap-tiap kali Bank Negara Malaysia campur tangan dalam menstabilkan ringgit atau membeli Ringgit Malaysia di pasaran mata wang telah melibatkan kerugian yang begitu besar dan sila jelaskan berapa banyak kerugian yang telah dialami oleh Bank Negara Malaysia semenjak 1990.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, jika Bank Negara Malaysia campur tangan untuk menstabilkan kadar pertukaran Ringgit perbelanjaan tersebut tidak boleh dianggap sebagai kerugian. Memandangkan Ringgit yang kembali stabil telah mendatangkan pelbagai manfaat kepada negara seperti memudahkan urusan perdagangan antarabangsa serta membendung peningkatan hutang luar negara dan inflasi.

Usaha menstabilkan mata wang yang turun naik dengan ketara adalah merupakan sebahagian daripada peranan utama bank-bank pusat sejagat.

Keuntungan dan kerugian dari operasi Bank Negara Malaysia ada dijelaskan di dalam akaun Bank Negara Malaysia yang dibentangkan setiap tahun di Parlimen ini.

Tuan Lim Guan Eng: Saya ingin bertanya saudara kawan baik saya. Bolehkah Yang Berhormat cuba jangan elak dari menjawab soalan saya mengenai jumlah wang yang dilabur atau dispekulasikan oleh Bank Negara dalam pasaran wang asing untuk menstabil atau mempertahankan nilai Ringgit Malaysia sejak ia mula pada 2 Julai tahun lepas. Dan tadi Yang Berhormat telah bercakap bahawa ia telah memperkukuhkan dan melicinkan urusan niaga.

Saya tidak nampak macam mana ini boleh berlaku bila nilai mata wang Ringgit pada 2 Julai ialah dalam lingkungan RM2.50 berbanding dengan sekarang RM4.10. Jadi di manakah kejayaannya, saya tidak nampak. Jadi diharap Yang Berhormat boleh memberikan sedikit penjelasan dan apakah kedudukan dari 2 Julai sehingga sekarang kerana difahamkan bahawa rizab asing baru-baru ini telah pun turun. Apakah sebabnya tiap-tiap kali mata wang Ringgit turun tetapi rizab asing pun turut turun, manakah keuntungan, manakah faedah kepada negara kita?

Dato' Dr. Affifuddin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya nyatakan statement tadi. Saya tidak elak, statement Yang Berhormat salah tadi. Statement Yang Berhormat mengatakan bahawa Bank Negara melabur.

Bank Negara semenjak 1992 telah pun memberhentikan kegiatan pelaburan di dalam forex. Jadi apa yang Bank Negara lakukan selepas itu ialah market ataupun intervention iaitu memasuki pasaran bukan dengan tujuan utama untuk memperkuatkan nilai mata wang kita kepada 2.52. Kalau boleh itu alhamdulillah tetapi tujuan utama kita ialah untuk menstabilkan pertukaran mata wang supaya mata wang kita tidak menghadapi satu keadaan naik turun, dengan izin, fluctuation yang cukup tinggi. Dan apabila ini berlaku maka ianya mengkucar-kacirkan perniagaan, orang-orang perniagaan tidak boleh membuat perancangan-

perancangan untuk perniagaan khususnya eksport, import dan juga perdagangan antarabangsa.

Jadi di sini Yang Berhormat, bila saya kata Bank Negara membuat intervention di dalam ini, ianya adalah semata-mata untuk menstabilkan. Sekarang di dalam masa seminggu, dua minggu ini, kita telah lihat, kestabilan telah pun datang iaitu walaupun dengan nilai yang rendah iaitu 4.1, 4.2, dengan izin, fluctuationnya tidaklah begitu ketara. Ianya di dalam satu bank yang stabil, itu yang dimaksudkan dengan stabil bukan kita hendak menurunkan sehingga 2.52, itu satu perkara yang agak sukar dilakukan.

Jadi apa yang Bank Negara lakukan itu sahaja. Yang Berhormat minta banyak mana yang telah digunakan. Saya diberitahu bahawa saya tidak boleh membuat public statement banyak mana yang digunakan. Yang Berhormat hendak tahu saya boleh bisik nanti di luar Dewan. Ini public statement tidak boleh - oleh sebab strategi.

Tuan Lim Guan Eng: Transparency.

Dato' Dr. Affifuddin bin Haji Omar: No. National Strategy. Kalau kita beritahu kepada dunia banyak mana kita masuk. Pihak speculator mata wang akan dapat menggunakan ini. Yang Berhormat berasaskan kepada the need to know, saya akan beritahu kepada Yang Berhormat di luar Dewan.

Tuan Lim Guan Eng: Tapi sudah lepas. Transparency.

Dato' Dr. Affifuddin bin Haji Omar: Tidak boleh. Itu strategy Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Rizab belum jawab lagi.

Dato' Dr. Affifuddin bin Haji Omar: Memanglah kita mempertahankan rizab. Kalau sebolehnya di dalam keadaan baik kita boleh meningkatkan rizab. Tetapi kita perlu menggunakan rizab di dalam keadaan sekarang.

Tuan Lim Guan Eng: How much

Dato' Dr. Affifuddin bin Haji Omar: Sekurang-kurang rizab itu boleh mensustainkan import melebihi 3 bulan tidak apa. Kalau turun kepada RM57 bilion pun, seperti mana yang dilapor di dalam surat khabar hari ini, ianya masih lagi dapat mempertahankan sustain import selama 3 bulan ke atas. Masih selamat. Ahli ekonomi semua kata. Yang Berhormat seorang sahaja yang kata tidak selamat. *[Ketawa]* Dia bukan ahli ekonomi. Ahli ekonomi tu daripada.... dua-dua orang tidak ada hari ini.

Tuan Lim Guan Eng: US Dollar tidak selamat. *[Ketawa]*

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana Bank Negara tidak dibenarkan menceburi dalam forex trading. Adakah campur tangan Bank Negara menstabilkan kewangan negara selaras dengan dasarnya, dan apakah manfaatnya.

Dato' Dr. Affifuddin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, memang satu daripada kerja utama Bank Negara ialah mempertahankan kestabilan mata wang. Kalau boleh ianya mempertahankan kekuatan mata wang. Jadi di dalam keadaan sekarang, kegawatan ekonomi sekarang yang mana mata wang kita telah jatuh nilainya, sekurang-kurangnya Bank Negara akan melakukan apa yang dikatakan stabilisation of the currency, dengan izin untuk memastikan bahawa segala urusan perniagaan, segala urusan kewangan negara dapat dilakukan dengan licin. Jikalau pada hari ini currency kita 3.8, esok 4.5.

Jadi fluctuationnya agak tinggi dan ini mengkucar-kacirkan segala perencanaan. Jadi di dalam hal ini sekurang-kurangnya dalam masa sebulan kalau dia stabil perencanaan itu dapat dibuat dengan baik dan mengenai dengan manfaatnya seperti mana yang saya cakapkan tadi ianya memberi keadaan ataupun iklim pelaburan, iklim perniagaan dan iklim pengurusan negara lebih baik andainya keadaan mata wang stabil. Tidak semestinya ia kembali kuat tetapi

asalkan ia stabil, 4.2 hari ini terus dalam masa sebulan pun tidak apa asalkan ia stabil tidak berlaku fluctuation, dengan izin.

**LESEN MENANGKAP IKAN LAUT DALAM KELAS C2 KEPADA
SYARIKAT LUAR NEGERI - BILANGAN**

5. **Tuan Tiong Thai King [Lanang]** minta Menteri Menteri Pertanian menyatakan:-

- (a) sama ada Lesen Penangkapan Ikan Laut Dalam Kelas C2 di perairan Sarawak diluluskan kepada syarikat luar negeri dan sekiranya ada, bilangan lesen yang telah dikeluarkan dan tempoh yang diberikan; dan
- (b) adakah pemilik lesen berkenaan menyewakan lesen mereka kepada syarikat luar negeri dan sekiranya ada, bilangan lesen yang terlibat.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Pertanian melalui Jabatan Perikanan tidak melulus dan mengeluarkan Lesen Penangkapan Ikan Vessel Laut Dalam C2 di perairan Sarawak kepada mana-mana syarikat luar negeri.
- (b) Perkara ini tidak berbangkit kerana Jabatan Perikanan tidak mengeluarkan lesen kepada mana-mana syarikat luar. Bagi pemilik-pemilik lesen tempatan setakat ini Jabatan Perikanan tidak mempunyai bukti yang menunjukkan kelulusan diberi kepada mereka telah disewakan kepada syarikat luar negeri.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, Sibutanya, Batang Lupar tanya soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, mengikut maklumat yang saya terima, jumlah lesen pukut tunda laut dalam di negeri Sarawak untuk menangkap ikan adalah jauh lebih rendah daripada apa yang dijangkakan oleh pihak kerajaan. Ini berbangkit oleh kerana birokrasi dan

sebagainya untuk mendapat lesen itu adalah susah. Oleh kerana kita import ikan begitu banyak ataupun proses ikan yang begitu banyak, adakah pihak kementerian membuat satu cadangan supaya memproses dan pengeluaran lesen ini dipercepatkan, prosedurnya dilonggarkan dan kemudahan ini patut diberi dan dipandang dengan segera. Dan bilakah penyegeraan pengeluaran lesen-lesen yang dipohon oleh rakyat Sarawak diluluskan. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat dari Batang Lupar. Sebagaimana yang kita ketahui bahawa pengeluaran lesen-lesen untuk bot laut dalam ini C2 khususnya adalah memang boleh dibuat secepatnya kalau sekiranya ia tidak mempunyai implikasi yang buruk. Kerana pada masa ini kita banyak pengalaman, banyak lesen laut dalam yang telah diberikan sudah diali babakan oleh pihak-pihak yang berkenaan. Jadi dengan sebab itu Kementerian Pertanian menerusi Jabatan Perikanan terpaksa berhati-hati dan juga terpaksa memastikan pemohon-pemohon itu mempunyai aset, mempunyai kemampuan, kewangan yang cukup untuk menerokai laut dalam untuk mendapatkan lesen-lesen.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa sebuah bot laut dalam memerlukan kos hampir RM800 ribu hingga RM1 juta dan inilah yang menyebabkan kementerian terpaksa berhati-hati supaya pengeluaran lesen itu dapat diberikan kepada mereka yang berkemampuan.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, sejauh manakah kebenaran diberi kepada nelayan-nelayan di Semenanjung beroperasi di Malaysia Timur dan apakah usaha yang dilakukan untuk membawa hasil tangkapan di Malaysia Timur ke Semenanjung untuk memenuhi keperluan di Semenanjung.

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Marang. Sebagaimana

yang kita ketahui bahawa larangan penangkapan ikan ini hanya berlaku di kawasan-kawasan mengikut zon A, B, C, dan C2 sahaja. Manakala tangkapan ikan di Sabah dan Sarawak memang diberi galakan supaya ikan itu dapat dieksport ke Semenanjung. Oleh sebab itu kementerian saya sedang mengkaji dan sedang berunding dengan Kerajaan Negeri Sabah, Sarawak. Kalau dapat penangkapan ikan boleh dibuat di perairan di sana dan didaratkan di Semenanjung untuk kesenangan bagi meningkatkan lagi pemasaran ikan-ikan yang ditangkap di Sabah dan Sarawak.

FAKTOR TEKNIKALPUNCA KEMALANGAN - KAJIAN

6. **Tuan Zainal Abidin bin Osman [Mersing]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan adakah kementerian mempunyai program khas bagi mengkaji kemungkinan wujud faktor teknikal tentang jalan raya di setengah tempat yang kerap berlaku kemalangan seperti selekoh terlalu tajam, bahu jalan terlalu rendah dan sebagainya. Kalau ada, sila nyatakan:-

- (a) tempat/jalan di mana masalah/faktor teknikal menjadi punca utama kemalangan; dan
- (b) tindakan ubahsuai yang telah dibuat terhadap jalan berkenaan, dan kos yang terlibat berhubung kerja-kerja pembaikan atau pengubahsuaian.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya sentiasa peka dan memberikan perhatian mengenai masalah berlakunya kemalangan jalan raya sama ada ia berpunca dari faktor teknikal atau faktor-faktor lain.

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah menjadi tanggungjawab kementerian ini untuk mengenal pasti tempat/jalan di mana kemalangan sering berlaku. Melalui Rancangan Malaysia Keenam, Kementerian Kerja Raya telah mengenal pasti 200 lokasi kawasan yang sering berlaku kemalangan di seluruh negara.

Kawasan-kawasan tersebut meliputi 48 lokasi di kawasan bandar dan 152 lokasi di jalan utama persekutuan. Di bawah Rancangan Malaysia Keenam, sebanyak RM84.5 juta telah dibelanjakan bagi menaiktarafkan jalan raya-jalan raya yang 'substandard' dan mempertingkatkan ciri-ciri keselamatan jalan.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, beberapa tindakan telah dan sedang diambil oleh pihak kementerian ini bagi mengatasi masalah tersebut di atas. Ini termasuklah program projek pembaikan jalan dan keselamatan jalan raya. Program ini sedang dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh di mana ia dijangka menelan belanja sebanyak RM82 juta. Tindakan pengubahsuaian jalan melibatkan usaha-usaha pembaikan permukaan dan bahu jalan, geometri lorong, pembahagian lorong jalan dan lain-lain pengubahsuaian aspek kejuruteraan jalan. Sehingga ini, Kementerian Kerja Raya melalui Jabatan Kerja Raya telah menaiktarafkan lebih dari 100 buah jambatan dan 400 kilometer jalan raya yang 'substandard' di seluruh negara ini.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri kata tadi bahawa kebanyakan daripada technical problem, dengan izin, yang menyebabkan kemalangan itu ialah substandard design jalan-jalan raya, jadi persoalan saya ialah mengapakah pihak kementerian menerima design jalan raya yang substandard itu sehingga telah menyebabkan bukan sahaja kemalangan tetapi juga perbelanjaan untuk mengubahsuaikan semula jalan raya itu dan apakah tindakan di masa hadapan supaya design jalan-jalan raya tidak akan substandard lagi. Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, apabila rekabentuk jalan dilakukan, ada juga kita mengikutinya dengan peruntukan-peruntukan yang disediakan

oleh Kementerian Kewangan. Mengikuti dengan peruntukan yang kita terima, kita akan membina jalan. Selepas itu apabila sahaja kita menghadapi masalah, kita minta peruntukan tambahan untuk memperbaiki dan juga menaikkan taraf jalan di beberapa tempat di seluruh negara kita. Jadi, apabila sahaja kita mula buat jalan, kita ikut dengan taraf antarabangsa, saya percaya ini akan mengambil harga yang tinggi dan kita tidak boleh menunaikan janji, kita beri kepada rakyat untuk mengadakan jalan seperti apa yang saya katakan tadi.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Salah satu sebab-sebab kemalangan di jalan raya adalah disebabkan oleh beberapa kementerian mengorek jalan terutama sekali seperti Tenaga Nasional Berhad, Telekom dan lain-lain. Pertamanya, ini akan menyebabkan kos di samping itu juga menyebabkan kemalangan jalan raya berlaku. Sejauh manakah program common trenching yang telah diutarakan oleh kementerian Yang Berhormat supaya sistem ini dapat dijalankan, supaya ia dapat bukan sahaja menyelamatkan kos tetapi mengelakkan dari kemalangan dan apakah tindakan kementerian untuk mempercepatkan common trenching ini di dalam negara kita?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, lima tahun dahulu kita telah menghadapi banyak masalah berkenaan dengan jalan seperti apa yang dijelaskan oleh Ahli Yang Berhormat, tetapi hari ini kita ada juga beberapa rundingan di antara satu kementerian dengan yang lain untuk mendapat tahu macam manakah kita boleh juga menyelesaikan masalah itu. Itu yang pertama.

Yang kedua, fahaman di antara kementerian-kementerian untuk mengadakan common trenching itu bukannya semua kementerian bersetuju tetapi Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos dan juga Tenaga Nasional Berhad telah bersetuju untuk mengadakan common trenching, tetapi agensi-agensi yang lain

belum terima perkara ini, oleh kerana itu kita tidak boleh meneruskan dengan common trenching.

Tetapi perkara ini ada dalam percubaan dan juga telah dijalankan di negeri Pulau Pinang sekarang oleh kerana Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah bersetuju untuk mengadakan common trenching di beberapa tempat.

Saya percaya jikalau kita ikut dengan common trenching di seluruh negara, saya harap kita boleh juga mengatasi masalah kemalangan.

[Soalan No. 7 - Y.B. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood [Tumpat] tidak hadir]

JUMLAH PINJAMAN DALAM DAN LUAR NEGARA - USAHA MENGATASI KEGAWATAN EKONOMI

8. Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta Menteri Kewangan menyatakan sejak negara dilanda kegawatan ekonomi berapakah jumlah pinjaman dalam dan luar negara telah dibuat oleh kerajaan bagi menyokong ekonominya, apakah nama negara dan institusi pemberi pinjaman dan bagaimana pembayaran balik dibuat, mengapakah memilih institusi pinjaman itu dan bukan IMF.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk merangsang semula aktiviti ekonomi, kerajaan sedang berusaha mendapatkan pembiayaan dari sumber-sumber dalam negeri dan luar negeri. Pinjaman luar negeri adalah dari institusi-institusi multilateral seperti Bank Dunia, Bank Pembangunan Asia dan Bank Pembangunan Islam, pinjaman bilateral seperti Jepun dan Kanada dan pinjaman pasaran modal.
- (b) Sehingga 15 Julai 1998, Kerajaan Persekutuan telah membuat pinjaman sebanyak US\$300 juta melalui Bank Dunia. Menjelang Disember 1998 kerajaan bercadang membuat

pinjaman baru RM6,000 juta dari dalam negeri dan US\$3,000 juta dari luar negara.

- (c) Pinjaman luar negara biasanya diperolehi melalui terma-terma yang menarik seperti kadar faedah konsesi atau premium yang rendah dan tempoh bayaran balik yang panjang sebab 'Sovereign Rating' diparas gred pelaburan dan Malaysia tidak mempunyai masalah dalam mendapatkan dana dari pasaran antarabangsa. Pinjaman-pinjaman tersebut adalah tanpa bersyarat dan memberi kelenturan, dengan izin, flexibility kepada Malaysia mengurus ekonominya sendiri tidak seperti tawaran pinjaman dari IMF yang lebih mengikat.

Datuk Lim Si Cheng: Tuan Yang di-Pertua, semalam Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita mengumumkan bahawa kerajaan akan mengadakan projek infrastruktur secara besar-besaran untuk merangsang semula pemulihan ekonomi negara kita dan ini juga adalah satu keputusan yang dicadangkan oleh pihak Majlis Tindakan Ekonomi Negara.

Jadi, soalan tambahan saya iaitu bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan dari punca manakah kita akan mendapatkan peruntukan ataupun kewangan untuk melaksanakan projek-projek yang tersebut itu.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, dari punca yang saya sebutkan tadi iaitu dari US\$3,000 juta dari sumber luar negara dan juga RM6,000 juta dari sumber dalam negara.

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu, saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu saya jumlah pinjaman dari dalam dan dari luar negara pada ketika ini dan juga pada masa yang akan datang, pinjaman yang dirancang dan apakah perbezaan cara pembayaran balik pinjaman antara Bank Dunia dan IMF dan bagaimanakah kadar faedah dikenakan

walaupun nilai mata wang ringgit menurun dan jumlah pembayaran balik begitu besar?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, jikalau Ahli Yang Berhormat dari Cheras bermaksud hutang negara, bukan hutang kerajaan. Hutang negara setakat ini di dalam mata wang ringgit ialah RM117.8 bilion, dalam mata wang Amerika Syarikat ialah US\$32.2 bilion iaitu bagi hutang jangka sederhana dan juga jangka panjang.

Hutang jangka pendek ialah RM38.8 bilion dan US\$9.5 bilion. Jadi, kedudukan hutang ini adalah dalam paras yang cukup selamat dan boleh dibayar dan yang saya maksudkan di sini ialah debt service ratio yang kita kena sekarang ialah sebanyak 5% sehingga 6% sahaja dan di dalam itu kerajaan hanya 1% sahaja debt service ratio.

Jadi, Ahli Yang Berhormat tanya juga, apakah perbezaan antara hutang Bank Dunia dengan IMF. Sepertimana yang kita sedia maklum, Bank Dunia dan IMF adalah dua institusi yang ditubuh selepas Persidangan Brighton Wood pada tahun 1944 selepas Perang Dunia II. Kedua-dua institusi ini mempunyai dua fungsi yang berlainan. Bank Dunia ialah untuk memastikan pembangunan dikebanyakan negara-negara yang sedang membangun. Jadi, hutangnya diberi dengan secara yang kita kata senang dan 'soft loan', jadi yang paling tinggi kadar faedah yang dikenakan ialah 6.75%. Negara-negara seperti Bangladesh yang miskin hanya dikenakan 2% tetapi Malaysia dikatakan sebuah negara yang telah maju, kita pada masa ini kita paling tinggi kita bayar 6.75% untuk pembangunan.

Tetapi IMF adalah satu institusi yang dibuat untuk menyelamatkan dan menyusun semula, dengan izin, restructure the economy of an ailing economy ataupun ailing country. Jadi, ia memanglah kerjanya ialah untuk mengubati orang yang sedang nazak. Apabila orang itu sakit teruk banyak pantang larang yang perlu diikuti. Jadi, IMF menggunakan pantang larang ini dan ini memang kerjanya.

Jadi, IMF berlainan fungsinya dan kadar faedahnya adalah diikut kadang-kadang dengan kadar yang sama banyak dengan yang dikenakan oleh Bank Dunia, tetapi pantang larangnya banyak kerana fungsinya ialah untuk membaiki orang yang tenat. Fungsi Bank Dunia untuk menguatkan orang yang kurang kuat. Jadi, dua fungsi itu berlainan, janganlah kita salah anggap dan memaki IMF tidak ketahuan hala, sebab kerjanya memang sudah macam itu.

HARGA BARANG - PENGUATKUASAAN KAWALAN

9. **Tuan Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]** minta Menteri Perdagangan dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:-

- (a) tindakan yang dibuat untuk memastikan harga barangan yang dikawal tidak dinaikkan harga;
- (b) memandangkan pihak kementerian mempunyai bilangan penguatkuasa yang tidak mencukupi untuk mengawal kenaikan harga barangan maka adakah kementerian bercadang untuk menurunkan kuasa penguatkuasa ini kepada pasukan RELA, JKKK dan lain-lain agensi yang difikirkan munasabah membantu kementerian untuk mengawal kenaikan harga barangan.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada masa ini terdapat 21 jenis barangan yang diisytiharkan sebagai barangan kawalan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961. Dari jumlah tersebut, sebanyak 12 jenis barangan yang dikawal harganya oleh kerajaan. Sukacita dimaklumkan di sini bahawa dalam usaha kerajaan mengawalselia kenaikan harga barangan yang dikawal beberapa faktor perlu diambil kira. Sebagai contoh, hampir 12 barangan yang harganya

dikawal oleh kerajaan menggunakan bahan-bahan asas yang diimport dalam pengeluaran barangan tersebut. Justeru itu, dalam suasana kegawatan ekonomi yang menimpa negara pada ketika ini dan penurunan nilai ringgit berbanding US Dollar maka kerajaan menghadapi 'constraint' yang tertentu dalam menentukan harga jualan runcit barang-barang yang berkenaan tidak dinaikkan. Dalam konteks ini, usaha mengawal kenaikan harga barangan bukanlah hanya menjadi tanggungjawab kerajaan semata-mata, sebaliknya pihak pengguna perlulah memainkan peranan mereka seperti berjimat di dalam berbelanja dan sikap membazir sepatutnya perlu dikikis.

Sebagai contoh, negara perlu mengimport hampir 80% gula mentah dari luar negara untuk mengeluarkan gula bertapis. Oleh itu, pengguna haruslah mengurangkan pengambilan gula dalam hidup harian mereka bagi mengurangkan tekanan ke atas bayaran import untuk barang tersebut.

Walau bagaimanapun, perlu dimaklumkan di sini bahawa sebarang kenaikan harga khususnya barang-barang kawalan yang dimaksudkan perlu mendapat kebenaran kementerian. Pada masa yang sama pegawai-pegawai penguatkuasa kementerian ini sentiasa memantau aktiviti peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab yang menaikkan harga dengan sewenang-wenangnya.

- (b) Mulai 1 September 1988, pegawai-pegawai di Bahagian Kawalselia Padi dan Beras di Kementerian Pertanian akan

dipindahkan ke kementerian ini. Dengan penambahan bilangan pegawai penguatkuasa tersebut, kementerian ini mampu untuk menjalankan tugas-tugas penguatkuasa bagi mengawal kenaikan harga. Justeru itu, buat ketika ini, kementerian tidak bercadang untuk memberi kuasa kepada Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan RELA untuk membantu kementerian ini mengawal kenaikan harga barangan.

Walau bagaimanapun, kementerian ini mengalu-alukan mana-mana pihak seperti ketua-ketua masyarakat untuk bekerjasama dengan kementerian ini bagi menyalurkan maklumat-maklumat berhubung dengan perbuatan yang tidak bertanggungjawab di kalangan peniaga-peniaga. Pada kesempatan ini, kementerian berharap lebih ramai orang awam menjadi ahli persatuan pengguna sama ada di peringkat daerah, negeri dan nasional supaya dapat bersama dengan kementerian membanteras aktiviti-aktiviti yang tidak beretika di kalangan peniaga-peniaga.

Tuan Mohamed Khaled bin Nordin: Tuan Yang di-Pertua, kita sedar bahawa usaha untuk memastikan harga barangan dikawal adalah semata-mata untuk menjaga kepentingan pengguna dan walaupun demikian, kita dapati banyak juga harga barangan yang naik dan dalam keadaan kegawatan pada hari ini tentunya ia menjejaskan pengguna-pengguna.

Jadi, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sama ada pihak kementerian ada memikirkan pendekatan yang berbeza dalam usaha untuk menjaga kepentingan pengguna khususnya mungkin seperti mewujudkan rangkaian pasar raya (supermarket) dan sebagainya supaya pengguna boleh

membeli dengan mendapat rebate, diskaun dan akhirnya dividen daripada sesuatu rangkaian supermarket.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya jelaskan, untuk mengawal harga barang-barang kawalan bekalan dan juga kawalan harga, kalau barang-barang itu tidak diimport, kementerian dapat mengawal harga barang-barang itu, tetapi bagi barang-barang yang diimport dalam keadaan yang sekarang, dengan penurunan nilai ringgit - susah.

Walau bagaimanapun, cadangan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat mengenai sistem di mana pengguna dapat membeli barang dengan diskaun, dapat dividen dan rebate itu, adalah cadangan yang sedang dilaksanakan oleh beberapa koperasi di dalam negara kita. Ada koperasi-koperasi di mana mereka yang menjadi ahli dapat membeli barangan dengan harga yang berpatutan dan dari keuntungan yang diperolehi oleh koperasi mereka juga dapat dividen.

Maka dalam hal ini, kita berharap Ahli Yang Berhormat juga dapat menggalakkan penubuhan koperasi-koperasi dan pihak kementerian juga sentiasa menggalakkan aktiviti ini.

Selain dari itu, kita juga berharap dalam keadaan yang wujud sekarang, perbelanjaan dapat dikurangkan dan tidak payah kita mengadakan banyak cadangan untuk memperbanyakkan perbelanjaan daripada pengguna.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian Yang Berhormat tadi mengatakan bahawa setiap kenaikan harga bagi barang-barang yang dikawal hendaklah dengan kelulusan pihak kementerian. Namun demikian beberapa barangan asas turut juga dinaikkan dan khususnya beras di beberapa tempat di negeri Sabah, bukan sahaja harganya melambung tinggi, tetapi bekalan itu lambat atau sukar diperolehi.

Adakah pihak kementerian sedar mengenai perkara ini dan adakah pihak kementerian bercadang untuk mengambil tindakan tanggungan sementara dalam

kegawatan ekonomi mengelakkan kenaikan barangan asas seperti beras ini yang digunakan khusus oleh mereka yang di luar bandar dalam keadaan ekonomi merosot lebih worse of, dengan izin, menghadapi dalam perkara ini.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, dalam hal beras ini adalah satu barangan keperluan harian dan satu barangan asas dan pihak kerajaan prihatin mengenai perkara ini. Bernas yang bertanggungjawab untuk menjual dan mengimport beras adalah diberi tanggungjawab untuk menentukan harga beras itu ada dalam paras yang berpatutan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ong Tee Keat) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Dalam hal ini, suka saya menjelaskan bahawa beras itu adalah dua jenis, yang pertama jenis yang diimport yang harganya ditentukan oleh nilai mata wang Dolar Amerika Syarikat dan oleh kerana penurunan nilai mata wang ringgit Malaysia, maka harganya telah meningkat bagi beras yang diimport. Bagi beras keluaran tempatan melalui kedai-kedai yang ditubuhkan oleh Bernas, harganya masih dikekalkan seperti sebelum kegawatan ekonomi.

Jadi, kita pun menggalakkan pengguna membeli beras ini kalau mahu menentukan harganya berpatutan daripada outlet Bernas di seluruh negara.

INTERNET - JUMLAH PENYEDIA PERKHIDMATAN DAN JUMLAH PELANGGAN

10. **Tuan Hoo Seong Chang [Kluang]** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan berapa syarikat telekomunikasi yang menjadi Penyedia Perkhidmatan Internet (ISP) di negara kita dan jumlah pengguna Internet sehingga 30 Jun 1998.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 6 syarikat telekomunikasi, iaitu semua pengusaha rangkaian tetap telah pun diberikan lesen

oleh kerajaan sebagai penyedia perkhidmatan Internet (ISP). Walau bagaimanapun yang telah mula beroperasi pada masa ini hanyalah Telekom Malaysia iaitu TMnet. Jumlah pengguna Internet sehingga 30 Jun 1998 adalah seramai 335,621 orang.

Tuan Hoo Seong Chang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai caj ini adakah caj yang dikenakan sekarang kepada para pelanggan Internet dianggap tinggi dan satu masalah lagi ialah tentang kesesakan talian. Adakah atau apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk menyelesaikan masalah kesesakan talian (congestion) ini yang sering dihadapi oleh para pengguna Internet.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun bilangan pengguna Internet bertambah dengan begitu cepat sekali iaitu lebih kurang 700 orang satu hari kesesakan talian ini cuma berlaku pada waktu-waktu yang tertentu sahaja iaitu biasanya antara pukul 9.00 malam hingga pukul 12.00 tengah malam.

Selain daripada itu, kesesakan talian jarang berlaku, kalau mereka yang ada pengalaman menggunakan Internet. Walau bagaimanapun, pihak yang membekalkan Internet sekarang iaitu TMnet ataupun JARING sedang mengemukakan rancangan untuk mengatasi masalah ini umpamanya, TMnet telah pun dalam proses untuk mempertingkatkan kapasiti komputer untuk menampung sehingga 400,000 pelanggan pada hujung bulan depan.

Selain dari itu, dengan kelulusan lesen kepada lima buah lagi pengusaha rangkaian tetap iaitu Celcom Sendirian Berhad, Time Telekom, Mutiara Telekom, Binariang Sendirian Berhad dan juga PrismaNet di mana mereka akan dijangka mula beroperasi pada awal tahun depan, maka dengan keadaan ini kita haraplah mutu perkhidmatan Internet dapat dipertingkatkan lagi.

Tentang caj yang dikenakan kepada para pengguna Internet, ramai orang yang masih mengangap bahawa ia adalah satu caj yang agak tinggi, kalau sekiranya dibandingkan dengan kadar komunikasi untuk Internet di rantau Asia

Pasifik ini, maka saya boleh katakan bahawa caj yang dikenakan kepada para pengguna Internet di Malaysia ini adalah antara yang terendah di rantau ini.

Misalan kata di Malaysia, caj bagi kadar setiap jam cuma 90 sen tetapi di Hong Kong samalah dengan Malaysia, 90 sen dan di Indonesia caj yang dikenakan adalah RM2.40, di Jepun RM4.68, Singapura jiran kita sebanyak RM1.92 dan di Amerika Syarikat sebanyak RM18. Sekian, terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, adakah tarikh ditetapkan untuk ISP yang baru untuk memulakan operasi mereka sama ada tiga, empat, ada lima yang baru, adakah tarikh untuk permulaan operasi mereka ditetapkan dan kalau ada, apakah tarikh dan apa syarikat itu dan adakah kerajaan atau NITC ada satu target untuk jumlah bilangan pengguna-pengguna Internet supaya untuk menggalakkan untuk mencapai satu tahap di mana adalah universal access oleh rakyat sampai tahun 2000. Adakah satu target atau apakah angka agaknya yang boleh memuaskan kerajaan sebagai lebih kurang kita ada mencapai satu tahap yang memuaskan.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak menetapkan satu tarikh untuk kelima-lima pengusaha rangkaian tetap yang baru diberikan lesen untuk mula beroperasi, tetapi mereka boleh mula beroperasi mulai 1 Julai ini, tetapi mereka kena mengambil masa untuk membuat persediaan dan kita harap mereka boleh mula beroperasi pada awal tahun hadapan.

Matlamat bagi kita tentang bilangan pelanggan Internet sehingga tahun 2000 ialah lebih kurang sejuta.

KURSUS 'TWINNING' DI KOLEJ SWASTA - PENGIKTIRAFAN KERAJAAN

11. **Tuan Ho Cheong Sing [Ipoh Barat]** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada pihak kementerian sedar bahawa terdapat semakin banyak kolej swasta yang menganjurkan kursus "twinning" yang tidak diiktirafkan oleh

JPA, badan-badan profesional yang bersangkutan. Adakah kementerian juga sedar bahawa terdapat juga kolej-kolej yang mempunyai hanya empat pensyarah yang berkecayaan MSc. sahaja untuk menganjurkan seluruh kursus di mana Universiti Sains Malaysia memerlukan 23 pensyarah yang berkecayaan PhD. untuk menganjurkan satu kursus kejuruteraan:-

- (a) berapakah kursus "twinning" dan kursus matrikulasi (enam bulan) yang ditawarkan oleh kolej-kolej swasta telah diluluskan oleh pihak kementerian; dan
- (b) berapakah kes-kes aduan di mana pelajar-pelajar yang mengikuti pendidikan "twinning" di luar negeri tetapi tidak diiktirafkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan badan-badan profesional yang bersangkutan, apakah syarat minimum kolej yang menganjurkan kursus "twinning" dari segi kecayaan pensyarah-pensyarah kolej.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan
Yang di-Pertua,

- (a) setakat ini, bilangan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang telah diluluskan untuk mengendalikan program "twinning" dengan universiti luar negara berjumlah 47 buah.
- (b) sehingga kini, kerajaan belum menerima sebarang aduan berkaitan pelajar-pelajar yang mengikuti program "twinning" dengan universiti luar negara di mana ijazah mereka tidak diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) atau badan-badan profesional yang berkaitan.

Antara kriteria bagi Institusi Pengajian Tinggi Swasta menjalankan program "twinning" dengan universiti luar negara ialah:

- (i) ijazah yang dikurniakan mendapat pengiktirafan di negara universiti induk, di Malaysia dan di peringkat antarabangsa;
- (ii) laporan validasi yang dilakukan oleh universiti induk ke atas IPTS berkenaan. Ini termasuklah validasi terhadap kemudahan infrastruktur, perpustakaan serta kelayakan pensyarah; dan
- (iii) bagi kursus profesional seperti akauntansi, kejuruteraan dan undang-undang, pengiktirafan oleh badan pengawal profesional negara universiti induk, Malaysia dan antarabangsa adalah diperlukan.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, dari segi pihak umum adalah diketahui bahawa banyak kolej swasta ini yang mengendalikan program twinning tidak mempunyai staff ataupun pensyarah yang mencukupi dan terlatih dibandingkan dengan pihak universiti dan pada masa yang sama pula, pihak universiti banyak department yang overstaff, dengan izin. Adakah pihak kerajaan bercadang untuk membenarkan universiti-universiti tempatan membuka kampus-kampus satelit bersama dengan universiti luar negara supaya ada perkhidmatan yang lebih kukuh, lebih profesional demi menggunakan tenaga di peringkat universiti dan membenarkan mereka juga mengutip pendapatan daripada perkhidmatan pendidikan bentuk twinning dengan peringkat universiti antarabangsa.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, sebelum Kementerian Pendidikan meluluskan program twinning dan sebagainya oleh kolej-kolej swasta, kementerian perlulah menentukan bahawa kelayakan pensyarah di kolej-kolej

tersebut adalah berkualiti dan mencukupi untuk program-program yang dilaksanakan.

Jadi, sekiranya Ahli Yang Berhormat ada bukti yang membuktikan bahawa ada kolej-kolej swasta yang tidak mencukupi pensyarah seperti yang dijanjikan atau seperti yang diiklankan, saya harap Ahli Yang Berhormat boleh membuat aduan dan memberi bukti kepada Kementerian Pendidikan supaya kita boleh mengambil tindakan dan memang Kementerian Pendidikan menggalakkan universiti-universiti kerajaan untuk mengadakan cawangan-cawangan dan pada masa itu UKM juga ada universiti cawangan di Sabah, sebelum kita wujudkan Universiti Malaysia Sabah.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, Bandau. Tadi sudah soal ya? Ada soalan tambahan kedua?

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh kerana tidak ada yang hendak menyoal!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Sekali sahaja Yang Berhormat.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Susulan!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Tidak boleh Yang Berhormat.

PENGGUNAAN PETROL OLEH KENDERAAN POLIS - USAHA MENGURANGKAN KOS

12. **Tuan Robert Lau Hoi Chew [Sibu]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) sama ada benarkan kerajaan menyekat penggunaan petrol untuk kenderaan-kenderaan polis bagi mengurangkan kos; dan

- (b) jika ianya benar, dapatkah kerajaan mempertimbang untuk melonggar sekatan ini agar kenderaan-kenderaan polis, terutama sekali unit-unit peronda dapat menjalankan tugas mereka dengan efektif terutama sekali ketika krisis ekonomi yang banyak berlaku jenayah.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Kementerian Dalam Negeri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Baik.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, walaupun kerajaan telah melaksanakan langkah-langkah berjimat cermat bagi mengurangkan kos, pihak kerajaan tidak menyekat penggunaan petrol untuk kenderaan-kenderaan polis yang perlu menjalankan tugas-tugas membanteras jenayah.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, memang soalan saya ini quite relevant, kerajaan telah mengambil langkah berjimat cermat beberapa bulan lepas dan mengurangkan perbelanjaan kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan dan pada ketika yang sama saya pernah berbincang dengan pegawai atasan polis yang mengatakan pada bulan Jun ataupun bulan Julai tahun ini, katanya, jangan kata hendak gunakan kereta, tayar kereta, servis kereta pun tidak boleh buat lagi kalau peruntukan tidak ditambah oleh pihak kerajaan.

Jadi, soalan saya adakah benar cerita ini, kalau tidak benar apakah landasan kekhuatiran pegawai polis yang berkata demikian?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, jikalau di dalam masa tidak kegawatan dahulu, kegunaan bukan sahaja di Jabatan Polis Diraja Malaysia menggunakan kereta dengan liberal iaitu sebuah motokar untuk seorang pegawai ataupun dua orang pegawai, tetapi dengan peruntukan yang diberi kepada Polis Diraja Malaysia untuk petrol sahaja sebanyak RM19 juta tahun ini, Polis Diraja Malaysia telah pun merencanakan satu program berjimat iaitu di sini

ada usaha, yang pertama untuk memaksimumkan penggunaan sesebuah kereta, jikalau ada satu kes di Muar dan di Batu Pahat di antara polis yang hendak datang daripada Johor Bahru misalannya, satu kereta sahaja dipakai di mana semua anggota polis yang misalannya hendak hadir di mahkamah di Muar ataupun di Batu Pahat menggunakan kereta yang sama, kalau dahulu dia pakai tiga ataupun empat buah kereta. Jadi, persoalan tentang tidak ada duit untuk maintenance itu tidak benar kerana wang yang diberi sebanyak RM19 juta itu hanya untuk petrol sahaja, untuk maintenance ada lagi.

Jadi, jikalau ianya benar dan ianya merupakan satu keadaan yang kritikal, pihak Polis Diraja Malaysia boleh meminta semula daripada Perbendaharaan, tetapi setakat ini tidak ada masalah.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah kesan kepada produktiviti dan efisiensi kerana kerajaan telah mengurangkan peruntukan kepada kementerian-kementerian di negara kita. Contohnya, saya difahamkan polis ada menggunakan kereta Kancil untuk mengejar kereta penjenayah. Ini benar atau tidak?

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Untuk menjawab soalan pertama, Tuan Yang di-Pertua. Apabila saya jawab satu kereta dipakai oleh 4 orang anggota polis. Maksudnya efisiensinya tinggi, kalau dahulu satu kereta dipakai oleh seorang atau dua orang anggota polis maka efisiensinya rendah. Jadi, jawabnya ialah dalam jawapan tadi, memang apabila kita memaksimumkan penggunaan kenderaan maka efisiensinya tentu naik. Efisiensi adalah didefinisikan sebagai kegunaan sesuatu bahan, modal iaitu kereta ataupun wang yang dipakai dengan rendah oleh seorang. Jadi ini memanglah jawapannya efisiensinya naik. *[Ketawa]*.

Seorang Ahli: *[Ketawa]*.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Kalau tidak percaya tanya PhD ekonomi iaitu Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan yang ada di sini. Itu efisiensi. Mengenai dengan kereta Kancil, saya belum lagi nampak kereta Kancil itu dan yang selalu ditender oleh kementerian saya ialah kereta yang prestasinya tinggi dan boleh menghambat penjenayah. Jikalau sesuatu unit yang memerlukan kerja pembanterasannya tidak ada kompromi di dalam penggunaan wang ini, dia boleh menggunakan lebih sedikit. Kita tidak ada kompromi di dalam pembanterasannya di dalam negara ini untuk memastikan negara kita aman dan makmur.

**GOLONGAN TERMISKIN NEGERI SABAH -
PELAKSANAAN PROGRAM-PROGRAM KERAJAAN**

13. **Puan Chua Soon Bui [Tawau]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) kadar peratusan golongan termiskin bagi negeri Sabah amnya dan Tawau khususnya berbanding dengan kadar peratusannya bagi seluruh negara sejak tahun 1994; dan
- (b) sila nyatakan juga bilangan keluarga termiskin yang telah mengecap manfaat dari pelaksanaan program-program kerajaan untuk membasmi kemiskinan di negeri Sabah amnya dan di Tawau khususnya bagi tahun 1995, 1996, 1997, Januari - Mei 1998. Berapakah jumlah peruntukan telah dihabiskan bagi pelaksanaan program-program tersebut.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' K. Kumaran]:
Tuan Yang di-Pertua, jumlah golongan termiskin yang berdaftar bagi negeri Sabah sekarang ini ialah seramai 11,757 keluarga. Jumlah ini merupakan 19% daripada jumlah keseluruhan golongan termiskin berdaftar bagi seluruh negara iaitu seramai 58,997 keluarga. Bagi daerah Tawau golongan termiskin yang berdaftar ialah

seramai 686 keluarga iaitu 5.8 daripada jumlah termiskin bagi negeri Sabah dan 1.16% dari jumlah keseluruhan golongan termiskin negara. Sejak tahun 1995 sehingga sekarang kira-kira 10,420 orang individu yang merangkumi semua golongan penduduk luar bandar telah mendapat faedah daripada pelbagai program pembasmian kemiskinan yang dilaksanakan di seluruh negeri.

Bagi daerah Tawau seramai 20 keluarga dari golongan termiskin telah mendapat manfaat daripada Program Peningkatan Ekonomi Kampung iaitu 4 keluarga pada tahun 1995 dan 15 keluarga pada tahun 1996. Sementara itu 63 keluarga pula telah mendapat faedah di bawah Program Pemulihan Rumah iaitu tahun 1996 - 21 keluarga, 1995 - 15 keluarga, 1996 - 16 keluarga dan 1997 - 11 keluarga. Kedua-dua program ini adalah khusus untuk golongan termiskin yang melibatkan perbelanjaan sebanyak 292,950 untuk PPR dan 61,000 untuk PPEK. Secara keseluruhannya bagi tahun 1996 dan 1997 sebanyak RM54.9 juta telah dibelanjakan untuk program-program pembasmian kemiskinan bagi negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Masa sudah suntuk bagi sesi soal jawab.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.3, 7 dan 14 hingga 69 akan dijilid dalam buku yang berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN (PINDAAN) 1998

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1996; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen

Kementerian Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA 1998

Bacaan Kali Kedua Dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” *[21 Julai 1998]*

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat dari Kepong diminta sambung.

3.37 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, semalam saya sudah mencadangkan supaya kita adakan Lembaga Penilaian untuk syarikat-syarikat yang melabur di kawasan MSC dan juga saya mengesyorkan supaya kita mengadakan sokongan kepada syarikat-syarikat yang menceburkan diri di dalam IT.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini saya menyambung mengenai tenaga mahir. Semalam saya ada sebutkan bahawa walaupun Yang Berhormat telah menyebutkan kita akan adakan Universiti Multimedia dan juga Universiti Telekom dan lain-lain kolej untuk melatih tenaga mahir. Pada pendapat saya ini tidak mencukupi dan kalau tidak mencukupi kita mesti menarik pakar-pakar dan saintis-saintis dari luar negara terutamanya rakyat Malaysia. Setakat ini walaupun ada kenyataan demi kenyataan untuk menggalakkan mereka pulang ke tanah air tetapi kerana birokrasi dan masalah-masalah lain saya nampak tidak ramai yang kembali ke negara ini. Ini bermakna kita mesti berusaha untuk mengurangkan birokrasi untuk memberikan insentif-insentif yang lebih kepada para saintis dan pakar IT yang hendak kembali ke negara ini. Saya ada beri satu contoh mengenai profesional

terutamanya para doktor yang masih mengalami kesusahan walaupun ada baik sedikit berbanding pada masa yang lampau tetapi masih ada birokrasi, red-tape atau pita merah dan masalah yang lain untuk membolehkan mereka menyertai servis di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai warga asing yang pakar di dalam bidang IT. Kita mesti mengadakan skim yang menarik bagi mereka kerana saya nampak bukan sahaja Amerika Syarikat, Eropah, Australia dan Singapura mereka memberi insentif-insentif yang cukup menarik untuk mencungkil bakat-bakat daripada seluruh dunia. Ramai pakar Malaysia yang berkhidmat di negara-negara ini dan kalau mereka memang pakar dan layak kadangkala dengan begitu mudah mereka diberi taraf kewarganegaraan dan kepada millenium baru kita mesti mengkaji masalah ini iaitu masalah terutamanya negara-negara yang maju dan memberi insentif yang cukup menarik kepada pakar-pakar termasuk pakar dari Malaysia.

Saya menyedari bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pernah mengatakan bahawa memang pakar-pakar ini bebas untuk bergerak dan pakar-pakar serta saintis-saintis Malaysia memang boleh berhijrah ke negara lain kerana tawaran yang sangat menarik. Pada pendapat saya kita mesti mengadakan skim yang cukup menarik untuk menawarkan kepada pakar dan saintis sama ada warganegara kita atau tidak. Kalau kita tidak buat rancangan seperti ini maka kita tidak akan mempunyai pakar dan saintis yang dikehendaki. Pada zaman akan datang sesiapa sahaja yang mempunyai pakar dan saintis yang ramai dan cukup akan maju. Sesiapa yang tidak akan tetap menjadi mundur. Itu memang satu hakikat.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai sistem tarif untuk perkhidmatan Telekom Malaysia. Yang Berhormat Menteri sering mengatakan bahawa Telekom Malaysia adalah satu-satunya pemberi atau pembina infrastruktur untuk telekomunikasi dan kerana mereka memang sebagai pembina infrastruktur kita memang menumpukan

perhatian kepada sistem tarif yang ada sekarang. Pada pendapat saya walaupun sesetengah kadar tarif sudah disebutkan termasuk Internet dan kalau dibandingkan dengan negara lain adalah lebih rendah tetapi bagi saya struktur tarif khas mesti diadakan untuk syarikat-syarikat terutamanya yang bertaraf MSC. Saya berharap Yang Berhormat dapat menerangkan apakah struktur tarif khas untuk syarikat-syarikat yang berada di kawasan MSC ini kerana kita hendak tahu apakah insentif bagi mereka untuk sistem tarif yang membolehkan mereka maju di kawasan MSC. Di dalam kawalan ini maklumlah seringkali disebutkan iaitu Menara Kembar Petronas, Taman Teknologi Malaysia, Menara K.L, UPM dan Cyberjaya. Di kawasan-kawasan ini memang akan wujud banyak syarikat lagi dan kalau kita adakan sistem tarif yang menarik yang cukup menggalakkan maka lebih ramai lagi orang yang akan menceburkan diri dalam IT.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya nampak dalam beberapa tahun ini walaupun berbilion-bilion telah dilaburkan untuk infrastruktur tetapi untuk menghadapi zaman baru masih tidak mencukupi. Saya mencadangkan supaya kerajaan dan juga Telekom Malaysia membuat rancangan untuk mengadakan cable fibre optics seluruh negara. Saya sedar kalau kita adakan di seluruh negara sekarang memang tidak akan digunakan dengan sepenuhnya, mungkin wang pelaburan adalah sangat besar dan pada masa sekarang tidak dapat dilaksanakan. Bolehlah Yang Berhormat menerangkan apakah rancangan untuk mengadakan kemudahan infrastruktur seperti fibre optics di seluruh negara. Di kawasan MSC ini adakah semuanya di dalam bentuk fibre optics.

Tuan Yang di-Pertua, ini satu perkara yang penting kerana kita hendak jadikan pusat multimedia, pusat IT yang canggih dan terkemuka serta ada orang yang mengatakan konsep MSC ini adalah yang unik di dunia ini. Kalau kita akan adakan keunikan MSC memang kita mesti adakan infrastruktur yang cukup dan canggih termasuk fibre optics.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah penggunaan idea-idea baru teknologi dan juga wawasan-wawasan untuk bersaing dengan negara-negara lain, pusat-pusat lain termasuk Taiwan, India dan sebagainya. Kalau kita hendak memajukan MSC dan juga IT di negara ini setanding dengan dunia dan boleh bersaing dengan mereka, maka saya mencadangkan supaya pihak kementerian mengemukakan satu laporan mengenai kemampuan Malaysia untuk mereka dan menggunakan teknologi dan konsep baru seperti pengeluaran, isi kandungan media digital. Kita akan menjadi negara digital maka pengeluaran isi kandungan media digital memang perlu dan satu laporan kajian yang menyeluruh mesti diadakan untuk mengetahui setakat mana kita mampu untuk berbuat demikian. Kita terpaksa tekankan sebab MSC kita akan menjadi satu sistem di seluruh negara pada satu hari kelak, awal millenium baru. Kalau itulah hasrat kita, maka kita mesti adakan kajian atau satu laporan yang hendak dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini mungkin pada tahun hadapan. Ini juga bermakna seperti mana yang telah saya sebutkan tadi kewujudan bilangan pakar dalam pelbagai bidang IT dan tenaga mahir mesti sentiasa ditekankan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai masalah Y2K walaupun sudah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri bahawa di dalam 527 hari lagi [*Ketawa*] semalam 528 hari - 527 lagi memang kita akan menghadapi kesusahan. Saya setuju bahawa kita tidak perlu begitu pesimistik. Walaupun persediaan demi persediaan diadakan mungkin kita akan menghadapi kesusahan seperti mana yang dilihat di Lapangan Terbang Kuala Lumpur (KLIA). Walaupun ada latihan, walaupun ada persiapan dan ada percubaan beberapa bulan sebelum kita mulakan perkhidmatan untuk kapal terbang-kapal terbang komersial maka kita tidak boleh elak daripada berlakunya masalah. Saya berpendapat masalah itu terlalu besar sangat. Kita setuju kalau ada masalah sedikit, memang di semua lapangan terbang baru mereka menghadapi masalah tetapi tidak sebesar yang dihadapi oleh KLIA.

Di sini saya hendak bertanya Yang Berhormat kerana di dalamnya mempunyai sistem komunikasi. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan kelengkapan-kelengkapan yang ada di KLIA sekarang untuk telekomunikasi? Adakah dipindahkan semata-mata dari Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz sebab saya nampak ada setengah kelengkapan yang lama. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan sebab ada satu pendapat bahawa kalau kita adakan satu KLIA yang baru lebih baik kita adakan kelengkapan yang baru juga. Jangan gunakan yang lama. Itu satu pendapat tetapi Yang Berhormat memang ada jawapan mengapa kelengkapan lama digunakan mungkin kerana kegawatan ekonomi menghalang usaha untuk membeli kelengkapan yang baru. Walau bagaimanapun ini bermakna untuk menghadapi zaman yang baru di dalam semua persiapan seperti KLIA, kita mesti berhati-hati bukan sahaja dari segi perkhidmatan bahkan juga dari segi kelengkapan yang diperlukan. Begitu juga dengan Y2K. Walaupun kita tidak perlu begitu pesimistik kerana kita mesti berusaha untuk mengatasinya. Mujurlah penggunaan komputer di negara ini tarafnya tidak setinggi berbanding dengan negara-negara maju. Walau bagaimanapun saya mencadangkan supaya kita adakan lebih banyak publisiti kerana mungkin ada poster-poster di seluruh negara untuk memberi peringatan kepada pengguna-pengguna komputer di seluruh negara. Publisiti yang lebih hangat lagi sebab saya nampak di dalam kaca T.V. sekali sekala ada menyebut Y2K tetapi di luar daripada penyiaran T.V. tidak kelihatan. Ini mungkin satu masalah yang perlu diperhatikan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai masalah komputer dan telekomunikasi di Internet. Walaupun Yang Berhormat Menteri Pendidikan pernah mengatakan bahawa pada tahun 1999, 90 buah sekolah bestari dan 9,000 buah sekolah menengah dan sekolah rendah di seluruh negara akan mempunyai kemudahan untuk Internet. Saya nampak usaha untuk mengadakan kemudahan ini di semua

sekolah sudah menghadapi kesusahan kerana kegawatan ekonomi. Mungkin pada tahun 1999 semua sekolah di negara ini tidak mampu untuk mengadakan Internet. Itulah satu masalah yang perlu kita mengkaji dengan teliti sebab ada sekolah-sekolah yang masih tidak mempunyai bekalan elektrik daripada Tenaga Nasional. Kita mesti mempergiatkan usaha untuk memperbetulkan keadaan ini.

Saya buat satu cadangan bahawa di semua sekolah di negara ini mungkin kita boleh menggunakan tenaga jurutera-jurutera di negara ini untuk membantu kita secara sukarela untuk memasang kabel dan kelengkapan di sekolah-sekolah seluruh negara. Mungkin di Selangor ataupun Kuala Lumpur kita boleh adakan satu minggu untuk satu hari untuk jurutera-jurutera ini memasang kabel dan kemudahan untuk komputer dan Internet di seluruh kawasan Kuala Lumpur misalnya. Begitu juga di negeri Kelantan kita gunakan jurutera-jurutera di Kelantan dan pergi ke sekolah-sekolah di seluruh Kelantan dalam satu minggu ataupun dua minggu. Itu satu cara untuk menyelesaikan masalah kerana hasrat Yang Berhormat Menteri Pendidikan nampaknya tidak akan tercapai kalau kita biarkan keadaan begitu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebutkan pengguna Internet - 335,161. Mungkin ini bukan satu angka yang tepat kerana penggunaan sistem Internet bukan sahaja TMnet dan Jaring sahaja tetapi ada sistem yang lain. Mungkin ada lebih dan kemungkinan setengah juta orang di Malaysia ini pengguna Internet. Walau bagaimanapun matlamat untuk mencapai satu juta susah hendak dicapai kalau tidak dipertingkatkan usaha. Saya mengalu-alukan dan kita akan mengadakan 5 syarikat untuk menjadi penyedia perkhidmatan Internet (ISP). Ini memang kita hendak galakkan supaya semua dapat berfungsi dengan cepat walaupun pelaburan itu tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Integrated Services Digital Network (ISDN) nampaknya tidak ramai yang menggunakan sistem ini dan hampir semua

itu di sektor korporat yang lebih daripada 5,300 pengguna sekarang. Saya sebutkan ISDN ini kerana hendak masuk kepada Internet lebih cepat kerana sistem sekarang seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada waktu-waktu tertentu susah untuk kita access kepada Internet. Untuk memudahkan access ini bolehkah Yang Berhormat mempertimbangkan bagaimana ISDN itu boleh digunakan dengan lebih luas mungkin kepada para pengguna Internet yang lain sebab perbelanjaan untuk memasang sistem ini lebih RM1,000. Ini memanglah mahal bagi orang yang berpendapatan rendah memang tidak mampu untuk menggunakan sistem ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menekankan di sini bahawa mengenai telefon bimbit (mobile phone) dan masalah perkhidmatan selepas jualan. Dengan pengalaman saya sendiri [*sambil menunjukkan satu unit telefon bimbit*]. Telefon ini sudah ditutup - jenis NEC. Jenis ini saya perolehi dan walaupun saya pilih syarikat yang dekat dengan pejabat saya, tetapi saya sentiasa menghadapi kesusahan kerana mereka tidak cukup orang yang mahir untuk mengendalikan alat ini. Misalnya semalam saya masukkan bateri yang baru tetapi tidak boleh juga berfungsi. Saya bawa kepada syarikat ini dan kemudian syarikat itu mengatakan “Ini 3 - 4 kali bateri tidak boleh digunakan”. Baik kita kembalikan semua yang dibekalkan kepada NEC untuk dikaji apakah salahnya supaya kita boleh gunakan.

Ini bermakna mereka tidak cukup mahir untuk mengendalikan semua ini. Bolehkah Yang Berhormat meneliti masalah after sale service untuk telefon bimbit, bukan sahaja saya bangkitkan sekarang, bahkan juga saya percaya semua yang menggunakan telefon bimbit ini menghadapi kesusahan ataupun akan menghadapi kesusahan.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Batang Lupar bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Dia tidak ada telefon bimbit. Mana ada di Batang ‘Terlupar’.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, dalam Dewan ini masih banyak kawan hendak cakap. Kalau tidak ada perkara-perkara yang betul-betul penting dan relevan, tolonglah beri peluang kepada orang lain. Oleh kerana saya dari semalam pun tunggu hendak cakap. Jadi, saya hendak tanya Yang Berhormat, sudah cukup prepare. Kalau sudah prepare, tolong bacakan note yang prepare macam Tanjong semalam jugalah.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, ini mengenai telekomunikasi, bukan mengenai MSC sahaja, Yang Berhormat. Dia tidak baca 10 fungsi ini. Ada 10 fungsi, ini merangkumi apa yang saya sebutkan tadi. Tengok di dalamnya. Saya akan pendekkan ucapan, saya ada banyak lagi. Cuma Yang Berhormat tidak relevan tadi. Di sini ada 10 fungsi merangkumi semua aspek telekomunikasi termasuk telefon bimbit. Bukan sahaja MSC, Yang Berhormat. Bila giliran Yang Berhormat kelak jangan ambil masa yang terlalu panjang dengan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, kesemuanya itu adalah hak Kerusi. Kerusi itu satu sahaja.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya setuju. [*Ketawa*] Cuma saya beri dia peringatan, kadangkala dia memang orang yang ‘terlupar’. Bila dia bercakap susah sangat dia hendak menumpu kepada perkara yang dibincangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyebutkan mengenai masalah kerajaan, terutama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai International Advisory Panel (IAP). IAP adakan mesyuarat kalau tidak silap saya tahun depan di Los Angeles dan satu lagi di Kuala Lumpur. Mereka memang pemimpin-pemimpin di dalam IT tersebut termasuk Bill Gates. Memang di dalam kenyataan mereka dalam media saya nampak ada yang memuji Malaysia mengenai MSC sebagai satu konsep yang paling baik. Walau bagaimanapun, bolehkah Yang

Berhormat terangkan apakah peranan International Advisory Panel (IAP). Sebab tiap-tiap kali ada mesyuarat memang belanjanya tinggi. Apakah sumbangan pihak para peserta atau ahli IAP ini terhadap MSC.

Misalnya, Tuan Yang di-Pertua, saya akan habiskan, Yang Berhormat dari Batang yang 'Terlupar', Bill Gates pada beberapa bulan yang lepas dia hendak melabur di dalam MSC. Setakat ini para pemimpin ini, bilangan yang benar-benar melabur di MSC, saya hendak tahu wang yang dikeluarkan untuk pelaburan ini. Memang saya takut ada setengah-setengah itu melepaskan batuk di tangga sahaja. Itulah yang dikhuatiri oleh rakyat Malaysia. Saya berharap Yang Berhormat dapat menerangkan peranan dan keberkesanan IAP untuk memajukan MSC di negara ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Bukit Bendera.

4.05 ptg.

Tuan Chia Kwang Chye [Bukit Bendera]: Tuan Yang di-Pertua, pada pukul 6.20 petang hari Isnin 20 Julai 1998 satu tanda batu (milestone) telah dicatatkan dalam 40 tahun sejarah Parlimen di mana semua pemberita di Galeri Parlimen meninggalkan Dewan ini dengan spontan. Seperti yang dilaporkan di surat khabar *The Sun* dan *Nanyang Siang Pau* serta semua hadirin pada waktu itu difahamkan bahawa para pemberita memulaukan ucapan dan perbahasan Ketua Pembangkang. Walaupun Ahli Yang Berhormat dari Tanjong cuba memutarbelitkan sebab para pemberita meninggalkan Dewan ini dengan mengatakan bahawa mereka keluar oleh kerana ada satu persidangan akhbar di Kementerian Tenaga, Telekom.....

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Kepong bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, walaupun Yang Berhormat....

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Merapu!

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak merapu. Saya beritahu dialah minat mengenai masalah ini. Saya ada di luar apabila pemberita keluar, termasuk Alex Chong tadi. Saya nampak dia sibuk kerana ada lima minit lagi hendak tinggal di dalam Dewan ini, dia hendak balik cepat kerana kesesakan lalu lintas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Apa soalnya, Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw: Saya beri dia penjelasan.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Dia merapu, kuat merapu!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat bukan beri penjelasan, tetapi minta penjelasan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, ya. Adakah dia faham masalah dan keadaan yang sebenarnya.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ini merapu!

Tuan Chia Kwang Chye: Terima kasih atas penjelasan Yang Berhormat dari Kepong itu. Tetapi kalau Ahli Yang Berhormat dari Kepong tidak dikepong di bawah bumbung ini, cuma baca *Hansard* muka surat 94 pada hari itu. Kerana dalam *Hansard* itu telah bukti Ketua Pembangkang telah mengakui bahawa memang ada boycott oleh para wartawan, kerana dalam *Hansard*, dengan izin, saya baca “press walk out”, itu betul press walk out. Inilah perkataan dan ucapan Ketua Pembangkang. Ketua Pembangkang pun berkata “sepatutnya saya walk out, bukan press walk out.” Jadi, kalau hendak mengampu Ketua Pembangkang supaya tidak disingkir dan terlibat dalam kempen ‘KOKS’ itu, cuma bacakan *Hansard* sebelum cuba membodek.

Dr. Tan Seng Giaw: Bodek. [*Ketawa*]

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, boycott oleh pemberita pada hari itu adalah kerana Ketua Pembangkang telah menafikan satu laporan

akhbar *Computimes* di mana Ketua Pembangkang telah menyatakan bahawa kurang daripada 10 ahli Parlimen mempunyai E-mail. Di sini saya ucapkan syabas kepada para pemberita kerana mempertahankan maruah mereka dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah berdiri beberapa kali semalam semasa perbahasan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong untuk meminta penjelasan daripada beliau. Tetapi beliau nampaknya berjanji kosong dan tidak berani atau takut memberi jalan kepada saya dan lain-lain Ahli Parlimen dari Barisan Nasional. Jadi, saya tidak ada pilihan lain dan saya terpaksa membuat beberapa penjelasan dalam perbahasan pada hari ini. Saya pun tidak faham kenapa Ketua Pembangkang semalam berkelakuan sebagai 'monyet kena belacan' atau satu sifat yang lebih baik 'monyet makan belacan' lebih betul.

Saya ada satu perkara yang boleh senang diselesaikan, kalau beliau cuma meminta maaf kepada para pemberita dan menarik balik tuduhan yang palsu itu. Jika Yang Berhormat dari Tajong menafikan bahawa beliau membuat tuduhan di mana kurang daripada 10 orang ahli Parlimen mempunyai alamat elektronik atau E-mail, beliau sepatutnya menafikan laporan itu dua bulan yang lalu dan bukan sekarang. Sekarang Ahli Yang Berhormat dari Tanjong masih belum menarik balik secara rasmi tuduhan yang liar itu. Jadi, saya ingin tahu sebagai seorang gentleman, jika beliau seorang gentleman, Ketua Pembangkang patutlah meminta maaf daripada para pemberita yang hadir pada hari itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam era masyarakat yang bermaklumat, iaitu information society, maklumat atau informasi yang tepat itulah penting. Jadi, sebagai seorang Ketua Pembangkang yang bertanggungjawab, tuduhan yang liar itu tidak patut dibuat. Juga dalam satu masyarakat yang bermaklumat, a little knowledge is a dangerous thing. Biasanya seseorang yang baru memulakan teknologi yang canggih seperti komputer dan Internet serta yang baru faham

tentang betapa menariknya teknologi baru itu, biasanya begitu excited, biasanya orang ini dalam tahun Internet merupakan seorang budak kerana Ketua Pembangkang pernah bercakap bahawa satu tahun, 'one human year' adalah disamakan dengan five Internet year. Ini petikan dari *Hansard* itu. Orang yang baru bermula teknologi baru ini suka menunjuk kemahiran serta pengetahuan mereka. Ini merupakan satu kegagalan seorang peminat yang baru memperolehi teknologi ini.

Tuan Yang di-Pertua, ucapan Ketua Pembangkang semalam menunjukkan seorang yang confused dan berjerebu di antara Internet dan information technology atau IT. Pengetahuan Ketua Pembangkang tentang IT nampaknya terhad kepada Internet sahaja. Di sini saya ingin melaporkan di akhbar *New Straits Times* pada 19 Julai 1998, dengan izin: "*His former political secretary and lawyer Teng Chan Kim who occasionally joined Lim for supper or drink at a pub insist that his political boss is a well-rounded person. When asked what they talk about as such occassion, he says rather sheepishly many politics although at one time he could not stop talking about the Internet.*"

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, perkataan yang digunakan ini ialah Internet dan bukan komputer atau information technology. Ketua Pembangkang pernah berkata bahawa 'many local MPs also equate IT, development with solely the multimedia super corridor project. Jika berbanding pandangan Ketua Pembangkang tentang IT di mana nampaknya beliau equate IT dengan Internet. Pandangan Ahli Parlimen Barisan Nasional jika equate IT dengan MSC pada pendapat saya fahaman ahli Parlimen lebih luas, kerana konsep MSC ini merupakan satu konsep pembangunan IT yang lebih luas jika berbanding dengan konsep equate IT dengan Internet. Kerana dengan pembangunan MCS di mana ada beberapa application flagship seperti borderless, marketing, manufacturing web.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Rompin bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat dari Bukit Bendera mengatakan Ketua Pembangkang cuba membawa perjuangan ke arah MSC, ke arah IT. Saya minta pandangan dari Bukit Bendera, adakah cara Tanjong mengalihkan perhatian permasalahan dia dalam DAP membawa kepada arah perjuangan ini sebagai untuk keluar daripada masalah yang dihadapi dalam partinya sendiri. Saya hendak minta sedikit penjelasan.

Tuan Chia Kwang Chye: Memang betul Tuan Yang di-Pertua, kerana ini taktik diversionary yang selalu dipakai oleh mereka yang tidak boleh mengawal situasi dalam rumahnya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang lain lagi. Yang Berhormat, bil yang ada di hadapan kita ialah berkenaan dengan penubuhan ataupun melantik Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

Tuan Chia Kwang Chye: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Sila berucap di atas tajuk, Yang Berhormat. Tadi sudah cukup. Saya pun sudah dengar di dalam sana, sudah cukup.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengikut nasihat Tuan Yang di-Pertua.

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia mempunyai satu peranan yang amat mustahak dalam rancangan Malaysia menuju ke alaf baru di mana satu ekonomi digital dalam bentuk perdagangan elektronik atau E-Commerce dengan tandatangan digital. Perdagangan elektronik atau E-Commerce sama ada melalui Internet atau cara elektronik yang lain akan bertambah penting pada masa yang akan datang. Satu kajian World Trade Organisation, dengan izin, mengatakan bahawa nilai perdagangan melalui E-Commerce atau Internet akan berganda-ganda

ke tahap RM1.1 trilion pada tahun 2001 bertambah daripada lebih kurang nilai yang berjumlah RM40 juta sekarang.

Saya juga mengalu-alukan kenyataan Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, dalam laporan surat khabar *The New Straits Times* pada hari ini, dengan izin, “digital economy driven by easy access to the Internet, will change the way business and consumers transact with each other.” Beliau juga berkata “E-Commerce is gaining momentum internationally with government playing supporting but non-regulatory roles and almost all the South-East Asian neighbours have “workable” E-Commerce models both on business to business and business-to-consumer basis.”

Jadi, saya berharap Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia yang akan ditubuhkan di bawah akta ini dapat bekerjasama dengan MITI dalam usaha memastikan bahawa E-Commerce di Malaysia melalui application flagship MSC seperti borderless marketing. Oleh kerana E-Commerce merupakan satu perniagaan tanpa rupa atau dalam bahasa Inggeris virtue atau tanpa muka (faceless) melalui permintaan dan transaksi elektronik, saya khawatir bahawa banyak masalah akan timbul semasa pelaksanaannya khususnya pada permulaan. Saya yakin bahawa Suruhanjaya melalui Lembaga Rayuan boleh menyelesaikan masalah yang timbul itu. Jadi, saya berharap perlantikan Pengerusi dan Ahli Lembaga adalah orang yang mempunyai pengalaman atau pengetahuan khususnya satu pandangan dan pendekatan yang terbuka dan telus.

Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia perlu mengambil satu sikap dan pendekatan yang menggalakkan atau enabling pembangunan percantuman multimedia. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia tidak patut mengawal terlalu ketat untuk industri ini. Ini adalah kerana teknologi komputer yang bermultimedia itu selalu berubah setiap saat dan tidak dapat dikawal. Jadi, segala peraturan dan syarat ini haruslah dinamik dan diubahsuaikan

mengikuti perkembangan teknologi dan percantuman multimedia dari semasa ke semasa. Dalam perbahasan rang undang-undang ini saya ingin membincang tentang masalah atau usaha kerajaan untuk mengatasi masalah Y2K di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, generasi kita mungkin mengalu-alukan kedatangan abad baru atau alaf baru, iaitu tahun 2000. Mungkin seluruh dunia sedang merancang untuk meraikan secara besar-besaran. Tetapi dua angka yang kecil dalam dunia komputer mungkin mengakibatkan satu disaster global apabila kalender kita bertukar daripada 1999 ke tahun 2000. Disaster ini bukan satu kejadian semula jadi, tetapi merupakan hasil daripada rekaan dan ciptaan manusia, iaitu komputer. Walaupun penciptaan komputer merupakan salah satu pencapaian unggul dalam abad ini, malangnya pencipta sistem komputer tidak meramalkan implikasi reka bentuk komputer, khasnya dalam programming apabila menjelang abad yang baru. Masalah Y2K akan membawa kesan ketara ke dunia ini dan masyarakat kerana dunia moden banyak bergantung kepada data dan maklumat seperti kita bergantung sepenuhnya kepada bekalan elektrik dan bekalan air.

Kita hanya mempunyai kurang dua tahun daripada sekarang untuk membetulkan satu kesilapan yang berlaku 20 tahun dahulu. Mengikut Encik Edwards Modeny, ketua economist dengan Deutchbank cawangan mereka telah menaikkan anggaran terhadap satu keadaan resesi dunia akibat daripada masalah Y2K daripada 60% kepada 7%. Anggaran untuk menyelesaikan masalah ini dijangka sebanyak US\$1 trilion.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan bahawa masalah Y2K adalah satu masalah universal dan penyelesaian mestilah dicapai untuk seluruh dunia. Tidaklah memadai untuk masalah Y2K diselesaikan di setengah negara yang maju sahaja, kerana di dalam dunia telekomunikasi yang berelektronik dan di dalam dunia tanpa sempadan (borderless world) komputer kita saling berinteraksi dan semua komputer dalam satu rangkaian sedunia. Masalah Y2K mungkin dipandang

serius oleh kerajaan, tetapi pada hemat saya banyak syarikat yang kecil termasuk industri kecil dan sederhana nampaknya tidak mengambil berat tentang masalah Y2K. Mungkin mereka tidak sedar atau tidak berkemampuan menyediakan peruntukan wang untuk mengatasi masalah Y2K ini. Jadi, apakah peruntukan atau insentif yang diberi oleh kerajaan untuk menggalakkan syarikat-syarikat kecil dan industri kecil dan sederhana membuat persediaan supaya sistem komputer mereka adalah Y2K compliance. Apakah langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk menyelaraskan segala usaha untuk menangani masalah Y2K ini? Oleh kerana pihak kerajaan sepatutnya menjadi teladan. Saya hendak bertanya sama ada sektor kerajaan di peringkat Pusat, negeri atau tempatan sudah mengambil tindakan dalam segi ini. Jika ya, apakah langkah-langkahnya.

Daripada laporan yang telah disampaikan oleh semua jabatan kerajaan di peringkat negeri dan Pusat, saya ingin tanya Yang Berhormat Menteri sama ada kerajaan berkeyakinan bahawa segala langkah yang diambil oleh semua jabatan kerajaan ini boleh menemui syarat di mana semua sistem komputer mestilah mencapai Y2K compliance sebelum 1 Januari 1998. Daripada hari ini cuma mempunyai kurang daripada enam bulan untuk mencapai sasaran, iaitu mengikut pengalaman saya, kita pasti tidak boleh menyiapkan sistem komputer sebagai satu Y2K compliance jika kita belum memulakan usaha untuk membetulkannya. Saya berpendapat bahawa situasi di peringkat kerajaan tempatan mungkin lebih serius, dan saya sedar tentang usaha MAMPU dalam hal Y2K ini, tetapi sejauh pengalaman saya response daripada syarikat-syarikat dan jabatan-jabatan kerajaan mungkin tidak menggalakkan.

Sebagai permulaan walaupun mungkin lewat sekarang, MAMPU perlu mempunyai satu senarai master check list untuk semua jabatan kerajaan dan memastikan sama ada sistem komputer mereka adalah Y2K compliance. Saya memang sedar tentang syarat KLSE di mana semua syarikat yang disenaraikan

mesti memberitahu KLSE sebelum 30 Jun tahun ini tentang rancangan mereka menangani masalah Y2K. Tetapi apakah peranan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia dalam hal masalah Y2K ini.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, 1 Januari 2000 adalah hari Sabtu di mana orang bekerja setengah hari sahaja. Tetapi 1 Januari 1900 adalah hari Isnin. Jadi, sistem komputer kita yang bukan Y2K compliance akan memaksa kita bekerja pada hari itu, kerana mungkin tidak membenarkan pekerja-pekerja balik pada tengah hari. Jadi, bayangkan satu keadaan di mana pada 1 Januari 2000 di mana manusia menganggap hari itu sebagai hari Sabtu, tetapi komputer menganggap hari itu sebagai hari Isnin. Jadi, dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Batang Lupar.

4.30 ptg.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang saya bercakap dan insya-Allah saya tidak akan merantau ke luar negara yang jauh sangat seperti Ahli Yang Berhormat dari Kepong dan merebak sebagaimana Ahli Yang Berhormat dari Tanjong. Saya akan menumpukan perhatian kepada rang undang-undang yang di hadapan saya terutama Rang Undang-undang Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 yang berbangkit daripada Rang Undang-undang Komunikasi dan Multimedia 1998 yang diluluskan semalam di Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kawan-kawan kita telah banyak menyebut, walaupun dengan cara mereka sendiri, saya juga ingin menyatakan iaitu undang-undang yang kita bahaskan di Dewan ini pada hari ini ialah satu undang-undang yang amat penting berbangkit daripada rang undang-undang yang dibahas semalam dan dilulus di Dewan ini. Oleh kerana undang-undang ini ialah undang-undang pelantikan Suruhanjaya yang mana akan mengendalikan semua tindak-

tanduk perusahaan dan tingkah-laku yang berbangkit daripada industri komunikasi dan multimedia di Malaysia.

Jadi, tugas dan tanggungjawab Suruhanjaya ini amatlah penting, amatlah sukar dan komprehensif di dalam mengendalikan apa segi berhubung dengan IT, komunikasi, multimedia dan sebagainya. Dan perkara ini sebagaimana semua tahu iaitu berhubung dengan multimedia ini dan teknologi informasi ini adalah amat baru kepada kebanyakan orang. Tiada siapa pun yang boleh mengatakan mereka itu expert, jadi termasuklah Ahli Yang Berhormat dari Tanjong dan Kepong terlebih lagi. Macam Ahli Yang Berhormat dari Kepong, dia tahu kulitlah, jadi soal undang-undang ini memang baru kepada Kepong walaupun tidak berapa baru kepada saya. Jadi, saya ingin menyentuh sedikit sebanyak berhubung dengan implikasi sosial, education, teknologi dan sebagainya berhubung dengan apa yang berbangkit dalam industri yang saya sebutkan ini.

Sebagaimana yang kita sedar bahasa komputer yang kita tahu ialah bahasa Inggeris. Jadi, bahasa Malaysia kita mungkin akan terjejas oleh kerana penumpuan kepada bahasa komputer yang berbahasa Inggeris. Pada tahun 1997, seorang linguist di Amerika telah membuatkan satu penilaian iaitu pada 50 tahun yang akan datang, pada pendapatnya, hanya tinggal 7 bahasa lagi yang wujud di dunia ini. Salah satu daripada bahasa yang akan wujud ialah bahasa Malaysia. Bukan sebagaimana bahasa Malaysia yang kita gunakan sekarang oleh kerana bahasa Malaysia yang disebut oleh beliau ialah bahasa Malaysia yang bercampur dengan bahasa dari Indonesia, Brunei dan bahasa-bahasa yang agak sama dengan bahasa Malaysia yang ada sekarang ini. Jadi, katanya bahasa ini akan wujud berlandaskan pendapat dan researchnya. Ini tidak termasuk penyerapan penggunaan bahasa Inggeris dalam bahasa komputer yang akan mendatangkan hakisan kepada penggunaan bahasa Malaysia terutamanya di negara Malaysia dan

di negara-negara yang menggunakan bahasa Melayu yang berasaskan bahasa Melayu.

Jadi, Suruhanjaya ini amatlah penting sekali supaya persoalan sosial, kehilangan dan kelembapan penggunaan bahasa Melayu ini tidak terhakis langsung oleh kerana penumpuan kita kepada bahasa Inggeris yang digunakan oleh komputer kerana pada masa sekarang, walaupun banyak orang menggunakan bahasa Melayu terutama di Malaysia menggunakan komputer mereka tetapi bahasa Melayu dalam komputer dianggap bahasa salah (grammatical mistakes) kata komputer. Komputer saya sampai tidak mahu cakap lagi dengan saya, Tuan Yang di-Pertua, boleh dia kata saya buat grammatical mistakes banyak sangat sebab saya guna bahasa Malaysia. Jadi, dia tidak hendak bercakap lagi, dia go mute, dengan izin.

Jadi, oleh kerana perkara ini berlaku saya berharaplah pihak Suruhanjaya nanti, apabila wujud selepas undang-undang ini diluluskan di Dewan yang mulia ini, akan menumpukan perhatian agar bahasa Malaysia tidak akan terhakis oleh kerana kebanyakan orang kita akan menggunakan bahasa komputer iaitu bahasa Inggeris yang diterapkan begitu kuat sekali. Jadi, kita melihat dilemanya iaitu kita terpaksa belajar bahasa Inggeris – bahasa international – *lingua franca* antarabangsa dan bahasa yang digunakan oleh komputer, diguna oleh multimedia dan IT – bahasa yang akan diterapkan di mana-mana pelosok rantau dunia di seantero dunia agar penggunaan bahasa Inggeris tidak menghakiskan bahasa Malaysia.

Dr. Tan Chong Keng: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya. Ada yang bangun.

Dr. Tan Chong Keng: Terima kasih, minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Batang Lupar. Yang Berhormat khuatir bahawa bahasa Malaysia akan terhakis oleh penggunaan bahasa Inggeris dalam komputer. Saya pun tahu

sedikit sebanyak berkaitan dengan word processing, dengan izin, dalam bahasa Malaysia. Software itu boleh direka-bentuk supaya menggunakan kamus Dewan Bahasa dan Pustaka dimasukkan ke dalam komputer untuk menyemak ejaan bahasa Malaysia dalam salinan dokumen yang diproses oleh komputer. Jadi, bersetujukah Yang Berhormat dengan saya kalau saya katakan kerajaan mesti mengambil usaha ke arah membangunkan bahagian kerja word processing dalam bahasa Malaysia terutama sekali dalam zaman IT ini perlu diadakan kerjasama di antara Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan dan industri IT supaya bahasa Malaysia itu dikuatkan dalam zaman IT, bukan terhakis.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya memang hendak sebut itu, sebenarnya saya akan sebut perkara macam ini, memang saya bersetuju sangat. Oleh kerana salah satu daripada tugas dan tanggungjawab Suruhanjaya ini ialah memperkukuhkan penemuan dan penggunaan apa-apa sahaja ilmu daripada segi komputer dan multimedia, jadi ini bermakna kita bukan sahaja menggunakan komputer yang ada menggunakan bahasa Inggeris, kita sepatutnya memperkenalkan bahasa Malaysia itu sebagai satu bahasa yang boleh diguna menerusi komputer kerana kita boleh taip bahasa Malaysia dalam komputer tetapi penggunaan bahasa Malaysia sebagai bahasa komputer ini ada masalah sedikit.

Umpamanya, saya beri satu misalan, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta maaf, ada jauh sedikit terbang ke Amerika. Kalau kita lihat di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, bahasa Malaysia belum diguna sebagai salah satu bahasa yang boleh kita gunakan di United Nation dan kita boleh gunakan bahasa Arab, bahasa-bahasa Eropa lain selain daripada bahasa Malaysia belum digunakan. Mungkin tidak cukup translator, tidak cukup sebagainya. Jadi, komputer pun macam ini juga. Kalau kita tidak introduce, pressure kita tidak kuat sangat, bahasa ini tidak boleh digunakan di United Nation. Begitu juga bahasa Malaysia tidak akan boleh

digunakan sebagai satu bahasa komputer yang direcognise, diterima, diiktiraf yang dikenal oleh komputer. Komputer yang ada di negara kita ini boleh diguna untuk menulis bahasa Malaysia tetapi tidak kenal kepada bahasa Malaysia. Bila kita tulis sampai 10 muka surat, dia kata surat you itu semuanya grammatical mistakes, spelling mistakes, semua mistake katanya, tidak pakai.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh padam buang yang itu, yang automatic correction itu boleh buang yang itu. Jadi, lepas itu tidak ada dahlah. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya taip di dalam bahasa Malaysia untuk ucapan. Beberapa tahun ini saya nampak ada masalah serupa ini tetapi kita tidak bangkitkan kerana kita akan gunakan sistem Inggeris. Lain kali kita gunakan bahasa Malaysia. Memang bahasa Malaysia akan berkembang sehingga suatu hari kelak akan diiktiraf oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Itu memang kita harapkan tetapi walau bagaimanapun, kalau Yang Berhormat 'Batang Yang Terlupa' boleh menggunakan komputer bahasa Malaysia, bukan komputer bahasa Inggeris. Ini keliru sedikit, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya. *[Ketawa]*

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah. Saya tahu Tuan Yang di-Pertua dahulu memang nasihat saya beli satu desktop katanya senang kita hendak buat surat, buat cerita. Pernah Tuan Yang di-Pertua cakap dengan saya, ini empat, lima tahun dahulu, ya Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi, saya dengar cerita Tuan Yang di-Pertua dan saya juga beli satu desktop. Jadi, cerita-cerita Tuan Yang di-Pertua saya terima memang betul kita boleh buat tetapi Ahli Yang Berhormat dari Kepong ini, dia sendiri keliru, dia buat kita keliru pula. Tetapi saya tidak

pernah kelirulah! Ahli Yang Berhormat Kepong belajar dahulu dari Tuan Yang di-Pertua macam mana guna komputer.

Saya berpindah daripada persoalan bahasa ini. Saya pergi pula kepada persoalan industri komputer dan IT. Kita lihat, sekarang kita menjemput orang melabur – orang terlibat dengan MSC tetapi oleh kerana perkara ini adalah perkara canggih dan perkara yang mungkin sebilangan kecil sahaja rakyat Malaysia boleh melibatkan diri, mungkin satunya soalan-soalan teknikalnya, soalan teknologinya mungkin yang baru kepada kita. Yang kedua, bahkan konsep MSC itu sendiri bukan ramai yang betul-betul kenal. Jadi, mungkin ini akan mengganggu sedikit fikiran masyarakat dan rakyat kita. Jadi, saya ingin bertanya kepada Menteri berapakah nisbah penglibatan rakyat Malaysia dalam kemasukan ke dalam industri MSC yang ada pada masa sekarang ini dan adakah rakyat Malaysia ini termasuk juga orang bumiputera dan apakah nisbah penglibatan mereka di arena perdagangan ataupun industri Multimedia Super Corridor ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat dalam Rang Undang-undang Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 ini, kita lihat beberapa perkara yang telah dibangkitkan, ternyata sekali undang-undang ini termasuk undang-undang semalam, sedikit sebanyak konsep undang-undang dari Amerika. Jadi, kita memang juga menerima hakikat apabila pihak kerajaan menyelidik undang-undang – cara mana, konsep mana yang kita hendak serapkan dalam Multimedia Super Corridor ini, pihak kerajaan terutama sekali pihak AG telah membuat penyelidikan yang begitu banyak dan rapi dan dari itu saya mengucapkan tahniah kepada mereka kerana telah membuat undang-undang yang begitu baik sekali tetapi banyak dalam penerapannya itu terlibatlah satu konsep dan pandangan yang, dengan izin, very American yang jarang terdapat dalam undang-undang yang bercorak Inggeris kerana corak undang-undang American ataupun perundangan di

Amerika itu selalu menekankan keindahan seseorang itu sebelum dilantik menjadi ataupun menduduki mana-mana kedudukan yang tertentu.

Dengan itu terbangkitlah soalan semacam umpamanya paragraph 13 ataupun seksyen 13 – Pengosongan Jawatan. Di bawah undang-undang ini menunjukkan iaitu kekosongan kerajaan secara automatik berlaku apabila seseorang itu didapati bersalah dalam kesalahan melibatkan fraud, kecurangan, keburukan akhlak. Jadi, yang fraud ini, memanglah kalau orang itu sudah salah, saya memang menyokong itu betul yang dia tidak patut langsung duduk dalam Suruhanjaya ini. Begitu juga kecurangan (dishonesty) tetapi keburukan akhlak (morale turpitude) ini ada masalah sedikit. Oleh kerana pandangan kita ada kemungkinan kita tidak ada di bawah undang-undang kita apa ertinya keburukan akhlak ini dan ada juga berkemungkinan tidak ada case law yang tertentu untuk memberi satu definisi yang khusus apa dikatakan keburukan akhlak dan keburukan akhlak pula adalah berlainan kepada orang yang berlainan. Kepada orang Islam, keburukan akhlak lain, kepada yang bukan Islam mungkin kekurangan akhlak itu lain juga. Bahkan di antara orang Islam ada juga yang menyatakan akhlak itu berlainan mengikut pandangan, latar belakang dan pendidikan mereka. Jadi, ini adalah amat rumit bagi pihak Suruhanjaya untuk mentafsirkan siapakah yang dikatakan buruk akhlak.

Sebagaimana juga kalau kita pandang undang-undang semalam iaitu Rang Undang-undang Komunikasi dan Multimedia 1998 yang mana di bawah bidang kuasa Suruhanjaya mentadbirnya. Di bawah fasal 20 subseksyen (e) berbunyi:

“Dia telah disabit atas satu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang oleh mahkamah di Malaysia.”

Ini juga amat kurang jelas dan amat luas. Jadi, kalau seseorang itu telah meletak keretanya secara illegal parking, mungkin juga ini dikatakan kesalahan di bawah undang-undang Malaysia kalau dia dibawa ke mahkamah. Lainlah kalau kes itu dikompaun, mungkin kita boleh kata dia belum melakukan kesalahan tetapi kalau dia telah didapati salah oleh mahkamah dan kalau diperlukan orang

ini membuat satu surat sumpah sebelum menjadi ahli tribunal tertentu, ada kemungkinan orang ini terlupa yang dia telah melakukan satu kesalahan yang sedemikian. Dengan keadaan yang sedemikian, mungkinlah dia juga didapati bersalah kerana membuat declaration yang salah di bawah undang-undang dan mungkin didapati bersalah. Walaupun di bawah undang-undang jalan raya (Road Traffic Act) mungkin ini bukan registerable offence tetapi dia telah melakukan kesalahan. Jadi, sepatutnya subseksyen (e) ini dikhaskan kepada kesalahan-kesalahan yang di bawah undang-undang Suruhanjaya ini juga – lebih tepat sedikit dan tidak begitu besar lingkungannya sebagaimana yang didapati dalam Multimedia Super Corridor ini.

Walaupun demikian, kita lihat konsep undang-undang yang sedemikian ialah banyak menunjukkan atau menurunkan konsep-konsep pendapat di Amerika kerana kalau dilihat di Amerika, sebelum seseorang itu dilantik terutamanya hakim dan tempat yang extra judicial position sebagai Suruhanjaya ini, dia memang mengkehendaki seseorang itu bersih sebersih-bersihnya daripada soalan jenayah, moral dan sebagainya sebelum dia dilayakkan untuk menduduki tempat yang tersebut. Itulah sebabnya diadakan di sana, apa yang dikatakan ‘senate committee’ untuk melihat latar belakang seseorang itu sebelum dilantik. Maka, konsep ini diperkenalkan dalam undang-undang ini di mana kita telah beberapa lama menggunakan konsep dan pendapat very British, dengan izin, yang tidak sangat menekankan pandangan-pandangan sedemikian. Jadi, ini bukanlah perkara yang begitu besar sangat – tidak begitu besar sangat tetapi mendatangkan satu kesan yang mungkin menjadi satu masalah.

Satu lagi yang saya ingin hendak sentuh yang mana di bawah bidang tanggungjawab Suruhanjaya ini iaitu untuk melihat perjalanan semua tugas dan tanggungjawab tribunal yang dilantik di bawah Rang Undang-undang Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 iaitu tugas dan tanggungjawab tribunal menyelidik dan sebagainya dan penyelidikan ini dibuat satu – saya percaya mempunyai fail-

fail yang tertentu tetapi apa yang tidak disebut di dalam undang-undang ini ialah yang fail-fail ini didaftar di tempat yang tertentu dan dibuat sebagai fail-fail yang berdaftar. Jadi, kalau ada masalah berhubung dengan penyelidikan mereka, dengan sendirinya pihak-pihak licensee tidak boleh mendapat butiran-butiran yang tepat dan tertentu melainkan berpandu kepada ringkasan daripada syor dan surat yang diterima daripada pihak kerajaan. Jadi, ini saya mencadangkan agar penyelidikan tribunal ini juga dibuat satu rekod dan daftar yang tertentu agar semua ini boleh dilihat semula apabila kita me'review' pendapat-pendapat dan findings yang dibuat oleh tribunal rayuan yang berkenaan kerana tribunal rayuan ini amatlah penting dan findings mereka dibuat hampir-hampir macam mahkamah kerana ketuanya pun seorang hakim. Jadi, saya harap pendapat hakim ini dibuat secara mahkamah dan findings mereka pun direkod secara didaftarkan secara tertentu dan tidak boleh dibuang dalam masa-masa yang singkat supaya menjadi satu bahan rujukan Suruhanjaya apabila menerima satu-satu aduan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita menceritakan persoalan ini, kita memang tidak boleh mengelakkan diri bercakap soal Y2K yang disibukkan sangat oleh pihak pembangkang dan kita pun sibuk juga oleh kerana perkara ini penting tetapi tidak siapa pun yang pernah melihat bagaimanakah effect dan impact Y2K ini kepada sesiapa pun. Ahli Parlimen yang pertama sekali membuat bahasan yang banyak, panjang dan komprehensif di Dewan ini ialah dalam sesi yang lepas iaitu Yang Berhormat dari Parit Sulong. Saya sendiri pun bercakap tetapi malangnya apabila semalam Ahli Yang Berhormat dari Tanjong bercakap, dia kata kita hampir-hampir tidak tahu pun, tidak pernah sebut pun. Jadi, ini adalah satu kesilapan dan saya harap Ahli Yang Berhormat dari Kepong janganlah terikut-ikut dengan bos you itu kalau dia buat salah, kita tahu juga.

Semalam Yang Berhormat dari Tanjong mengatakan kita tidak pernah baca laporan dari ICC Task Force report itu. Kita baca juga, Tuan Yang di-Pertua. Kita

tahu apa dia kata. Dia ada kata dalam laporan itu India, Singapura, Taiwan dan Filipina lebih bersedia untuk menghadapi Y2K ini dan Malaysia di tengah-tengah. Indonesia dan China mungkin terkebelakang sedikit. Disebutkan juga, iaitu Malaysia dalam kebelakangan ini telah menunjukkan peningkatan dua kali ganda apa yang telah mereka buat dahulu daripada 28% kepada 55% tetapi oleh kerana kita memandangkan iaitu Singapura telah sampai ke tahap 90 lebih peratus. Saya ingin bertanya dengan pihak Menteri sejauh manakah tindakan dan apakah tindakan kementerian supaya meningkatkan achievement kita daripada peringkat yang dikatakan 'Marill L' dalam task force mereka daripada peringkat 58% ke tahap yang lebih baik lagi iaitu 90%kah ataupun 100%. Kerana Y2K ini memang banyak risikonya kerana komputer itu boleh terputus ataupun tertutup 'shut off'. Jadi, kita tidak hendak perkara ini berlaku di negara kita kerana banyak juga benda-benda besar kita di sini yang perlukan komputer ini – traffic light, airport, KLCC.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik tentang Y2K ini. Ada pendapat seperti Yang Berhormat dari Batang Lupar mengatakan Y2K ini serius – perlu ditangani dengan baik, kalau tidak sistem-sistem komputer kita akan menghadapi masalah sama ada sistem komputer itu memproseskan sistem-sistem tertentu atau melibatkan dalam operasi bangunan atau kompleks-kompleks yang besar seperti lapangan terbang – itu satu pendapat.

Satu pendapat yang lain mengatakan ini are just hoax, dengan izin, h.o.a.x. benda itu diadakan-adakan sahaja – hoax atau scamp – diadakan sahaja sebab kita tahu yang datang kemari, yang menjual dan mengatakan ada masalah Y2K ini orang luar! Yang kita bayar mereka ini consulting, perunding mahal-mahal. Ini ada dua pendapat, saya minta pandangan daripada Yang Berhormat dari Batang Lupar.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak jawab Yang Berhormat dari Rompin. Dia memang mahir, dia seorang jurutera, dia memang tahu soal ini, itu satu. Nombor dua, dia seorang peniaga, businessman. Kadang-kadang businessman memang boleh buat macam itu, Tuan Yang di-Pertua. Kadang-kadang dia gempar-gempurkan satu-satu cerita supaya orang sibuk sana sibuk sini untuk mengatasi masalah itu. Sebenarnya masalah itu tidak sehebat mana. Masalah itu tidak seteruk mana. Jadi, oleh kerana kita hendak jualkan the solution to the masalah itu, dia gempar-gempurkan, dikatakan sana-sini sudah buat itu, Amerika sudah sediakan US\$2 bilion bahkan dalam pendapat ICC di task force ini mengatakan di Malaysia kita perlu RM600,000 untuk mengatasi problem Y2K. Itu pun 50 syarikat sahaja katanya, belum semua syarikat. Jadi, sebagaimana saya sebut awal tadi, kita belum tahu apa sebenar effect dan impact Y2K ini, benarkah atau tidaknya kita belum tahu lagi oleh kerana satu sahaja – yang tidak kenal dengan nombor 19 dengan nombor 20 itu sahaja dia kata, komputer itu tidak kenal. Jadi, ada kemungkinan benda ini betul, saya hendak kata betul-betul 100% itu tidak boleh juga, takut-takut kita tidak buat persediaan nanti.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan sedikit. Macam kita terikut-ikut. Macam baru-baru ini Suruhanjaya Sekuriti mengeluarkan peraturan minta supaya syarikat-syarikat yang tersenarai mengatakan sama ada, dengan izin, you are Y2K compliance. Untuk menjadi Y2K compliance ini memerlukan peruntukan yang besar dalam suasana sekarang – pertama. Yang kedua pula, yang pakar kononnya boleh menyelesaikan masalah Y2K ini bukan kita. Yang kata ada sakitnya dia, yang datang mengubat pun dia dan kita ini terikut-ikut dengan slogan-slogan – ini satu lagi slogan orang yang kita ikut Y2K ini walhal, ada kemungkinan kalau kita perlu pun tidaklah sehebat dan seserius yang dikatakan oleh mereka. Itu saya minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat dari Batang Lupa tentang perkara ini.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Rompin. Kita di samping kita berjaga-jaga jangan terkena dengan masalah Y2K. Kita juga mesti berjaga-jaga jangan kita over sold

ataupun over killed kerana kalau kita over sold ataupun over kill masalah kita buang duit sekarang. Yang sebenarnya tidak begitu masalah sangat.

Jadi, saya ingin hendak tanya dengan kementerian, satu soalan saya dengan Menteri. Saya harap Menteri boleh tolong jawab soalan saya ya. Berapakah jumlah nilai harga komputer yang berangkai di negara ini telah dibuat yang mungkin akan terkena bukan Y2K compliance. Maksudnya berapa rangkaian yang bukan Y2K compliance di pihak kerajaan juga private sector.

Jadi kalau masalah ini umpamanya nilai harga komputer yang kita telah installed itu yang mungkin berangkai, yang mungkin akan terkena dengan masalah Y2K itu hanya RM20 milion. Kenapa disediakan RM2 bilion untuk mengatasi masalah, jangan 'go computerization' sekarang, jangan beli komputer sekarang, jangan perbaiki komputer sekarang – tunggu tahun 2000 baru beli komputer baru. Kita 'solved' masalah yang ada, jangan terlibat cari masalah yang akan datang yang kita belum kenal.

Soal yang kedua, adakah kerajaan bercadang untuk memberhenti dahulu 'computerization program' kita di dalam jabatan-jabatan yang berangkai, yang mungkin belum ada Y2K compliance. Kalau ya, mungkin ini boleh mengatasi masalah-masalah tidak ada compliance dengan Y2K. Oleh kerana yang dibuat research oleh pihak ICC ini mengatakan Malaysia 55% preparedness ini, saya tidak tahulah apa landasannya sama ada kementerian mempunyai satu garis panduan dan landasan yang tertentu di mana mereka ini membuat pendapat mereka yang kita ini baru 55% compliance dan Singapura sudah 98%.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Rompin bangun ya.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini, tentang – sama ada satu sistem pengkomputeran itu Y2K compliance atau tidak. Saya minta sedikit penjelasan daripada Batang Lumar, sama ada Batang Lumar sedar adakah kerajaan sendiri mentauliahkan sama ada sesuatu syarikat atau badan yang

mengatakan satu sistem pengkomputeran itu Y2K compliance atau tidak ataupun standard yang digunakan untuk memastikan kita compliance atau tidak satu standard luar yang penentunya badan luar. Kalau ya, badan luar, penentu luar - bayarlah kita banyak-banyak duit Amerika Dolar lagi. Minta sedikit penjelasan.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, kalau kita pandang mengikut laporan taskforce ini juga di Singapura diadakan satu badan yang dia kata sebut nama 'Singapore National Computer Board' (NCB) yang menjadi badan penyelarasan soal masalah krisis tahun 2000 komputer ini. Jadi di Malaysia – badan manakah menjadi penyelarasan masalah krisis komputer tahun 2000 ini. Adakah menunggu tertubuhnya suruhanjaya ini ataupun memang sudah ada badan dalam kementerian yang menyelaraskan, melihat. Jadi melihat ini termasuklah sama ada gembar-gembur yang business interest, orang yang menjadi solution kepada Y2K ini benar ataupun tidak ataupun melihat di samping kita sceptical sedikit, dengan izin soal-soal, masalah-masalah yang berbangkit dari Y2K ini dan mengambil tindakan juga supaya kita jangan terkena with out and down, dengan izin.

Jadi perkara ini memang quite serious oleh kerana laporan-laporan ini menjangka 70% rexeption boleh berlaku oleh kerana masalah Y2K ini kenapa tidak? Kalau di Australia - sudah sediakan dua bilion Australian untuk mengatasi masalah Y2K, kalau di Amerika – dia kata seratus bilion sudah disediakan untuk mengatasi masalah Y2K. Belum sebut lagi semua negara yang telah menggunakan komputer di seluruh dunia menyediakan wang begitu banyak sekali dan diberi dengan orang yang problems solvers ini daripada all over the world kepada dia, tidak ubahlah macam duit kita dihentam oleh pihak 'manipulator' dana pelaburan asing dahulu juga.

Jadi tidak hairanlah perkara ini boleh mendatangkan satu world recession pada tahun 2000 selepasnya. Kita pada hari Sabtu, 1 Januari tahun 2000 – hari

Sabtu, hari Ahad, hari Isnin, hari Selasa, hari Rabu – kalau tidak salah Hari Raya Aidil Fitri, Tuan Yang di-Pertua, 4-5 hari selepas itu Hari Raya Aidil Fitri. Jadi 5 Februari, Tahun Baru China – komputer telah sebut ini semua dah.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, berbalik saya kepada benda-benda yang tidak begitu membimbangkan – soal lesen. Soal lesen ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyebutkan perkara ini saya harap pihak Suruhanjaya ini melihat soal sosial dan soal bisnes. Soal bisnes, kita buat bisnes industri, Multimedia Super Corridor (MSC), IT dan sebagainya. Tetapi di samping kita mempelopori industri yang baru ini, industri yang dikatakan melonjak kita ke abad 21, industri akan menjamin kemajuan negara kita industri yang membawa kita ke abad dan untuk mencapainya Wawasan 2020.

Tetapi kawan-kawan kita di luar bandar, kawan-kawan kita di kawasan saya, Tuan Yang di-Pertua, jangan kata MSC (Multimedia Super Corridor), dia tidak kenal ini, Tuan Yang di-Pertua, komputer pun belum tengok badan, dia kata kalau tengok komputer - macam orang tahun 50-an, dia kata ini macam televisyen juga, jadi belum sampai masalah itu.

Begitu juga benda-benda macam telefon dan sebagainya. Pernah saya menyebutkan di Dewan ini, apabila syarikat ini diberi lesen, bayaran lesen satu tahun hanya tak tahulah berapa, Menteri boleh beritahu hari ini. Bayaran lesen satu syarikat yang diberi lesen untuk menjual telefon dan sebagainya mungkin RM1,000 satu tahun, dia gunakan air wave free seluruh Malaysia. Tetapi bila kita hendak guna semula air wave yang sama, dapat satu telefon kecil ini, kita kena bayar RM65. Kalau 1,000 orang dah terima ini – dah cover untung dah. Saya pun kenal juga dia orang buat infrastructure atau Troposcatter, dia buat stesen pemancar dan sebagainya.

Jadi dia buat infrastuktur ini ke seluruh bandar. Jadi dengan membuat infrastruktur ini incur cost yang besar. Maka bila kita menggunakan air wave, kita

kena bayar RM65 sebulan, sama ada pakai atau tak pakai pun kena bayar RM65. Walaupun lesen dia jual RM20,000 telefon ini, hanya RM1,000 umpamanya, jadi ini tidak adillah nampaknya pada pandangan kita.

Saya berharap pihak kementerian bila ada dana universal ini nanti, di bawah undang-undang ibu ini, dana universal ini digunakan untuk subsidize kos telefon yang dihantar ke luar bandar. Bukan sahaja untuk menyampaikan installation telefon di luar bandar, tetapi kos umpamanya telefon ini saya menyarankan di Dewan ini – 011: satu jenis telefon yang hanya boleh digunakan di pedalaman Sarawak, di tempat kayu balak, di rumah panjang, di kampung yang terpencil kerana 019, 010 ini ‘sorry’lah tidak boleh dapat, tidak boleh sampai. Jadi saya sarankan 011 itu diturunkan sewanya, kalau Telekom tidak boleh hantar telefon kepada kampung ini, sekurang-kurangnya orang kampung bolehlah beli 011 dan dengan 011 itu dengan bayaran mungkin RM6-RM10 sebulan sewanya kerana harganya masih mahal, Tuan Yang di-Pertua, 011-Mobira yang besar macam itu, harga masih RM6,000 satu, dia tak turun harga.

Harganya dah mahal tetapi sewa pun mahal, jadi orang kampung kata macam manalah Yang Berhormat, melainkan dengan subsidi. Jadi subsidi saya tidak boleh bagi, saya minta kementerian gunakan Suruhanjaya ini supaya Suruhanjaya ini menggunakan kebijaksanaan mereka subsidi ini mesti diberi kepada syarikat-syarikat ini tidak boleh menurunkan harga sewa kepada telefon-telefon yang digunakan di luar bandar.

Pada tahun 1995 – 1,117 telefon luar bandar disampaikan. Jadi ini tidak mencukupi, saya pernah katakan di Sarawak, kita ada 5,000 kampung dan rumah panjang di luar bandar. Jadi kalau dengan 1,117 ini untuk seluruh Malaysia – berapa sangatlah boleh sampai ke Sarawak. Jadi dengan itu, dengan sendirinya orang luar bandar terkeluar, tidak dapat, jangankan kata IT dan MSC, ini telefon, bentuk yang antik itu pun belum dapat lagi. Jadi soal ini juga termasuk dalam

radio-televisyen, radio-televisyen itu termasuk dalam undang-undang ini sama dan Suruhanjaya ini sama juga mengawal selianya.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan Batang Lular semangatnya membela orang luar bandar ini. Dari segi penggunaan telefon saya minta penjelasan sedikit, penggunaan telefon ini, telefon sekarang tetapi sudah dijadikan sebagai penggunaan masa depan ekonomi sendiri bukan sekadar hendak bercakap tetapi data transfer, transaction melalui e-mel akan datang boleh dibuat melalui hand phone ini.

Saya hendak minta penjelasan sedikit dari Batang Lular, Tuan Yang di-Pertua, tertarik dengan subsidi kepada luar bandar dengan penggunaan telefon atau access kepada data, mengapa Batang Lular kita dengar yang banyak membantu orang luar bandar hanya Telekom Malaysia sahaja. Bagaimana peserta-peserta yang lain ini, yang swasta diberikan kemudahan penswastan oleh kerajaan, bagaimana dengan mereka kalau dulu kita dengar kenyataan Datuk Menteri marah sedikit, dia kata Telekom Malaysia sahaja yang mengorbankan tetapi yang lain itu macam buat endah tak endah tentang tanggungjawab mereka memastikan ada imbalan penggunaan atau hak penggunaan telefon di luar bandar.

Saya minta penjelasan mengapa hanya STM sahaja yang nampaknya membawa agenda sosial tetapi yang lain itu buat tak dengar sahaja, jadi apa pandangan Batang Lular tentang perkara ini?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, memang kadang-kadang kita manusia macam ini, Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang orang yang baik itu kita suruh dia lebih baik lagi. Macam Ahli Barisan Nasional ini memang dah baik jadi

kita sentiasa dikehendaki berbaik-baik. Tetapi bila pembangkang buat jahat, kita hendak menyuruh dia berbaik sedikit pun susah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, betullah, yang kayu bongkok itu kera pun hendak meniti.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi begitulah juga soal ‘services provided’ dalam industri telefon, dalam industri telekomunikasi ini. Jadi oleh kerana Telekom dahulu dipandang sebagai badan kerajaan dan di ‘privatize’kan dan diambil alih oleh pihak Telekom Malaysia Berhad yang adalah satu badan yang boleh dikatakan ‘the most successful privatization agency’ di Malaysia dan yang amat peka sekali dengan tanggungjawab sosial mereka. Tidak ada agensi lain boleh dibanding dengan Telekom, Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan peribadi saya. Jadi oleh kerana Telekom ini sudah buat baik, orang hendak tengok lagi kebaikan dia melebihi batasan yang dapat diatasi oleh mereka dalam keadaan semasa.

Jadi kadang-kadang kita terlupa pula melihat yang kaum-kaum lain tidak berbuat apa-apa. Jadi saya berharap dengan adanya undang-undang ini pihak Suruhanjaya menguatkuasakan kumpulan pemberian perkhidmatan sejagat ini dikuatkuasa supaya pihak badan-badan lain, syarikat-syarikat lain sudah diberi lesen, diberi sebagainya itu kalau tidak boleh hantar infrastructure sebagaimana yang Telekom buat – mesti memberi contributions, dengan izin, yang seimbang, berimbang kepada dana kumpulan wang sejagat ini untuk menghantarkan kemudahan-kemudahan dan subsidi kepada orang di luar bandar.

Ini bukan sahaja soal telefon tetapi juga soal televisyen, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana kalau kita lihat, kalau saya orang di Batang Lupar beli satu televisyen, bayar lesen televisyen saya banyak ini juga, saya terlupa – bayar RM24? Kalau saya duduk di Kuching pun bayar RM24 juga, saya duduk di Batang Lupar dapat satu stesen RTM 1 sahaja – pun bayar RM24 juga. Jadi mana

keadilan dia, tidak ada keadilan. Sepatutnya kalau saya bayar RM24 saya dapat semua stesen, kalau tidak dapat stesen syarikat TV3 ke, NTV 7 ke, Metro ke – mesti kena bayar subsidi dengan badan sejagat ini supaya badan sejagat ini melalui Suruhanjaya ini menghantar infrastructure supaya syarikat-syarikat ini boleh menghantarkan program mereka ke luar-luar bandar supaya orang yang bayar lesen RM24 di luar bandar itu tidak merasa mereka telah di‘sub change’kan keadaan, bukan kerajaan, keadaan.

Jadi saya berharap pihak Suruhanjaya melihat bukan daripada satu segi sahaja, bukan sahaja melihat soal industri multimedia yang penting sekali untuk kita melonjak ke Abad 21 tetapi juga melihat tanggungjawab sosial tiap-tiap license holder yang membeli airwave hanya RM1,000 jual RM65 satu – dapat 10,000 telefon yang pulangnya berpuluh ribu kali ganda memberi tanggungjawab sosial mereka seimbang, berimbang dengan pendapat mereka.

Jadi, dengan keadaan yang sedemikian barulah pihak Suruhanjaya ini memberikan tugas dan tanggungjawab mereka. Walaupun saya menerima hakikat yang Suruhanjaya ini baru tetapi tugas dan tanggungjawabnya tidak jauh sangat bezanya dengan tugas dan tanggungjawab Securities Commission untuk mempelopori industri dalam bidang kuasa mereka.

Jadi walaupun securities commission mempunyai pengalaman yang lama oleh kerana industri yang telah lama tetapi dalam Multimedia Super Corridor ini industri yang baru benda yang baru dan menjalankan dalam bidang kuasa yang baru juga. Jadi mungkin telah banyak juga mungkin tak begitu secocok pada hari mulanya mungkin daripada enam bulan ia ada masalah masih boleh diperbaiki tetapi jangan pula pihak DAP kelam kabut pulak, kalau airport di KLIA dah baik, dia kata ‘jahat’ pulak. Kalau yang cerita tentang masalah di Hong Kong itu tidak ada sebut satu pun, sebut sedikit sahaja. Perbandingan itu tak boleh buat, jadi walaupun airport di Hong Kong itu mahal kita jauh lebih murah tetapi yang Hong

Kong lebih banyak masalah tidak disebut. Jadi janganlah bunyi orang kata parroting other people juga cerita ini, banyak masalah. Jangan soal yang negatif yang hendak kita sebut, jangan soal yang buruk hendak disebut, kita sebutlah perkara yang baik. Saya sudah guna airport itu berulang alik dua minggu ini, alhamdulillah belum ada lagi masalah-masalah yang saya jumpa melainkan satu sahaja, papan tandanya, saya hampir masuk tandas perempuan kerana papan tanda itu berdekatan dengan tandas perempuan. Jadi berdekatan dengan aerobridge dengan kapal terbang itu ada lambat sedikit itu pun within reasonable time oleh kerana benda itu baru, mesin itu baru belum licin sebagaimana. Jadi dengan keadaan demikian saya menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kubang Kerian.

5.18 ptg

Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua, Akta ini untuk menyelia, mengawal aktiviti komunikasi dan multimedia, menguatkuasakan undang-undang komunikasi di Malaysia ini. Saya ingin membuat persoalan beberapa perkara sahaja dalam membincangkan satu akta yang baru, complicated bagi rakyat Malaysia semuanya baru kepada kita jadi tidak eloklah kita tuduh menuduh antara satu sama lain siapa yang celik huruf, siapa yang buta huruf dalam masalah komputer ini. Semuanya ianya baru kepada dunia dan khasnya kepada Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, cuma saya ingin hendak penjelasan iaitu undang-undang yang dikemukakan ini berbentuk umum dan ianya tak perlu dipinda lagi bila jumpa satu teknologi baru, yang ini saya ingin penjelasan daripada pihak menteri dalam perkara ini.

Satu perkara yang barang kali tidak disentuh oleh kawan-kawan yang lain iaitu masalah klon telefon dan juga masalah intipan, intersert atau interrupt yang akan berlaku sekarang pada masa yang akan datang. Misalnya kita membeli suatu

alat ataupun alat yang sofistikated kita boleh setkan nombor telefon seseorang maka kita boleh membuat rakaman perbualan seseorang. Oleh itu kita boleh mengintip syarikat-syarikat dari sudut misalnya hendak mendapatkan tender untuk sebut harga dan sebagainya maka pihak lawannya, pihak syarikat lagi satu boleh mengintip syarikat yang lain. Oleh itu tugas Suruhanjaya ini, walaupun disebut bahawa perbualan telefon ini tidak boleh dijadikan evidence mahkamah tetapi mencuri maklumat itu mestilah dihukum. Memang sekarang ini kita lihat ada alat-alat yang begitu canggih sehingga boleh mendengar perbualan polis yang hendak membuat operasi misalnya menghubungi satu sama lain, mereka pun boleh membeli alat-alat itu dan boleh mendengar perbualan polis. Memang alat-alat yang lebih sofistikated boleh dibawa masuk dengan cara haram.

Kita harap pihak kerajaan, pihak kementerian ini mengawal dengan sungguh-sungguhnya masalah ini. Kalau tidak pengedar-pengedar dadah yang kaya-raya, mereka memiliki alat yang sofistikated untuk mengesan perbualan polis atau pun mencuri komputer Bukit Aman yang mereka boleh dapat kod-kod nombor dan sebagainya maka mereka boleh interset segala gerak kerja yang dibuat oleh pihak pasukan keselamatan. Perkara ini perlulah menjadi tumpuan dalam kementerian ini yang akan bertanggungjawab dalam mengendalikan satu benda baru yang kita lihat sedang menguasai dunia sekarang ini.

Pihak kementerian ini juga misalnya kalau ada kakitangannya yang boleh 'dibeli' maka mereka juga boleh mengintip bagi pihak orang lain. Ini juga dipastikan bahawa kakitangan ini mesti orang yang cukup berdisiplin sebab mereka boleh mengintip bagi pihak orang lain sama ada kuasa asing ataupun dibeli oleh satu syarikat untuk mengintip pergerakan syarikat yang lain atau pihak negara lain boleh menjadikan orang-orang di kementerian ini menjadi pengintip bagi pihak mereka dalam usaha interset telefon, telekomunikasi dan lain-lain lagi.

Memang kita lihat kerajaan berjanji dalam Internet ini tidak ada penapisan untuk memajukan komunikasi di Malaysia tetapi ia ada juga bahayanya. Langkah-langkah keselamatan kepada rakyat mesti dipertingkatkan. Misalnya dalam komputer baru-baru ini boleh kita baca Al-Quran baru yang dibuat sebab dalam Al-Quran dicabar tidak ada manusia, jin atau malaikat boleh membuat Al-Quran seperti yang diturunkan oleh Allah tetapi sekarang ada percubaan untuk membuat Al-Quran baru yang disiarkan dalam komputer walaupun ianya telah dicabar oleh Al-Azhar tetapi Al-Quran baru itu sekarang ini sedang menyusuk ke seluruh dunia.

Jadi perkara-perkara seperti itulah kita berharap kementerian ini mengambil daya usaha di sudut - walaupun kita kata hendak memberi kebebasan kadangkalanya penapisan-penapisan tertentu perlu juga ada ataupun ada siaran lain menguat akidah orang Islam atau akidah agama-agama kepercayaan agama-agama lain. Misalnya melalui komputer juga sekarang sudah berlaku attacking antara agama. Sepatutnya pihak agama Hindu misalnya boleh menjelaskan agamanya, Kristian boleh menjelaskan agamanya, Islam boleh menjelaskan agamanya tetapi melalui komputer sekarang sudah ada perang antara agama, attack antara satu sama lain. Perkara-perkara ini adalah satu perkara yang tidak baik terutama dalam masyarakat majmuk seperti Malaysia ini. Kita harap kementerian boleh membuat sesuatu dalam menghadapi masalah yang begitu berat sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, lesen juga akan dikeluarkan oleh pihak kementerian ini dan lesen ini perlu diperbaharui misalnya setahun sekali. Oleh itu mereka yang terlibat dengan perniagaan komunikasi ini adakah kedudukan mereka seperti dalam KDN iaitu mereka perlu memperbarui permit akhbar mereka, majalah mereka satu tahun sekali dan sudah tentu di sini kita lihat kalau syarikat-syarikat besar yang terlibat dalam perniagaan komputer atau penyiaran ini perlu memperbaharui lesen setahun sekali maka sudah tentu ia menjadi begitu sukar kepada mereka. Perkara ini saya juga ingin memerlukan penjelasan daripada pihak menteri.

Kemudian keputusan menteri tidak boleh dicabar di mahkamah walaupun ada lembaga ini akan menimbangkannya tetapi keputusan menteri itu adalah keputusan yang begitu tinggi sekali yang tidak boleh dicabar di mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat sekarang ini bahawa seruan Perdana Menteri, setiap kali berucap meminta rakyat Malaysia supaya jangan percaya kepada akhbar asing atau majalah asing. Kita bersetuju pandangan Perdana Menteri itu kerana ia akan melahirkan semangat patriotik kebangsaan iaitu kita mesti percaya kepada berita-berita daripada agensi tempatan khususnya BERNAMA dan akhba-akhbar tempatan. Saranan itu baik tetapi apa yang berlaku adalah sebaliknya, misalnya bagaimana rakyat Malaysia terpicat dengan media asing. Misalnya kejadian untuk menghantar pulang orang-orang Aceh yang datang ke sini, pelarian politik atau pelarian apa pun. Kita tidak tahu berita apa yang berlaku di Kem Semenyih itu, apa yang berlaku di Kajang, apa yang berlaku di Juru kita tidak tahu tetapi kita terkejut apabila membaca berita dari luar negara, dari *London Observer* dan lain-lain lagi. Bagaimana serangan itu dibuat? Bagaimana gambar yang dipamerkan orang Aceh keadaan tangan digari di belakang, ditembak, bagaimana kata-kata tuduhan, mereka itu diracun sebelum itu dan bagaimana pembunuhan ataupun cara operasi yang begitu keras. Kita tidak dapat maklumat itu daripada Malaysia dan bila kita membuka Internet kita tengok gambar-gambar itu, kita tak percaya. Ini propaganda jahat daripada barat terhadap Malaysia tetapi bila kita lihat ada seorang polis membuat pengakuan, gambar itu datang dari pihak polis sendiri yang supply kepada wartawan asing maka kita terkejut bahawa itu adalah peristiwa yang sebenar berlaku. Maka timbullah keyakinan rakyat Malaysia hendak tahu berita Malaysia, kena baca akhbar luar negeri, kena baca *London Observer* dan pihak anggota polis itu pula mungkin di-ISAKAN ataupun sekarang sedang menghadapi interrogation. Jadi kita lihat gambar itu, gambar asli kerana gambar itu disupply oleh pihak polis. Kalau

gambar itu gambar asli, bagaimana orang tahanan yang sedang digari tangannya, orang Islam, kemudian bagaimana ianya ditembak, semuanya ini membuatkan imej negara kita begitu buruk di luar negeri tambahan pula gambar itu bukan dari wartawan asing tetapi daripada pasukan keselamatan kita.

Cerita ini membuatkan orang yakin kepada berita luar negara ataupun agensi berita asing kerana berita-berita di Malaysia, berita seperti itu digelapkan. Inilah kita harapkan Perdana Menteri dalam memberi komen supaya kita percaya kepada akhbar tempatan kita bersetuju tetapi kadang kala hanya sesuatu insiden itu kita nak tahu kita baca daripada luar negeri. Begitulah juga kenapa kita baca dari luar negeri misalnya hal-hal ekonomi di Malaysia. Rakyat Malaysia lebih berminat untuk membaca laporan ekonomi Malaysia daripada berita Singapura sama ada daripada Internet dan sebagainya atau analisa Hong Kong. Analisa-analisa mereka itu pada peringkat awalnya kita tidak percaya tetapi kemudiannya ia menjadi benar, misalnya berita-berita *business trend* yang diutarakan di Singapura, pandangan-pandangan tentang mata wang kita, soal perkara-perkara yang lain akhirnya ia menjadi benar. Maka timbullah kecenderungan orang ramai terutama sekali mereka yang terlibat dalam dunia perniagaan suka melihat analisa ekonomi dari Singapura atau pun Hong Kong daripada melihat akhbar-akhbar tempatan.

Begitu juga kita lihat penyiaran ataupun akhbar-akhbar tempatan. Misalnya kita sekarang tidak tahu kenapa Johan Jaafar berhenti, kenapa Nazri Abdullah berhenti, kita tak tahu begitu juga ura-ura Yunus Said TV3 akan berhenti maka kita tidak tahu apa yang berlaku ataupun kita kena tunggu apa akhbar luar negeri akan beritahu dan apa yang diberitahu itu mungkin fitnah, mungkin tambah tetapi kadang kalanya benar yang kita tidak tahu dan yang dikeluarkan dalam akhbar-akhbar di Malaysia.

Sebab itulah kita harap kebebasan akhbar dalam Malaysia ini sebelum kita pergi kepada dunia IT ini supaya ia diperlonggarkan lagi supaya kita dapat tahu

berita Malaysia daripada berita Malaysia sendiri, bukan kita dapat tahu suatu peristiwa di Malaysia ini daripada akhbar luar negara atau pun pandangan luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, perniagaan komunikasi dikatakan amat menguntungkan, wakil daripada Parit Sulong mendedahkan berapa trilion dolar sekarang ini terlibat dalam perniagaan komunikasi, penyiaran dan sebagainya. Saya ingin bertanya di Malaysia, kenapa trend itu tidak berlaku? Memang kita akui ada kemelesetan ekonomi, tetapi apakah punca kemelesetan ekonomi atau lain-lain punca. Misalnya Binariang membuang pekerja minggu ini atau bulan ini 350 orang walaupun dia dapat berbagai-bagai projek mempunyai pengarah yang hebat-hebat seperti Tan Sri Haniff dan sebagainya tetapi Binariang membuang pekerja 350 orang.

Begitulah juga TV3 yang terlibat dalam penyiaran komunikasi, membuang pekerja sudah hampir seribu orang. Ini menggambarkan bahawa perniagaan penyiaran Multimedia tidak menguntungkan ataupun orang melihat bahawa ianya digeruni untuk orang lain menceburnya sedangkan inilah yang digambarkan dahulu syarikat-syarikat yang boleh membuat keuntungan yang besar. Tetapi kita lihat TV3 dan juga Binariang membuang pekerja begitu banyak sekarang ini dan dikatakan bahawa Binariang akan buang lagi pekerjanya, sudah 350 akan buang lagi mungkin sampai ke 1,000 orang.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat dalam suasana ekonomi sekarang yang mana hendak diutamakan, ini persoalan yang saya ingin timbulkan. Misalnya, kita setuju kepentingan Multimedia, kita bersetuju hal komunikasi, hal telekom ini satu perkara yang penting, tetapi adakah keutamaannya perlu diberi sekarang? Sekarang ini misalnya kalau di Indonesia masalah yang paling penting ialah makanan, rakyatnya telah mula merompak kerana hendak makan. Telah berlaku yang menggerunkan dan kalau kita pergi sana pun sekarang kita sendiri hendak

duduk di Jakarta dua, tiga hari pun tidak berapa hendak berani, kerana rakyatnya sudah mula hendak merompak kerana hendak makan. Hari ini 1 dolar - 3,700 rupiah iaitu kejatuhan yang cukup dasyat. Telah berlaku rompakan sekarang kerana hendak makan di Medan, di Jakarta dan di Ujong Padang dan beberapa tempat.

Ertinya 'priority' bagi Indonesia sekarang ialah soal bagaimana hendak beri makan kepada rakyat dia. Kita di Malaysia tidak sampai lagi ke peringkat itu tetapi dengan pembuangan pekerja begitu banyak sekarang ini yang sedang berlaku, duit kita entah bila akan stabil akan naik, saham entah bila akan pulih. Adakah peruntukan kerajaan dikeluarkan RM600 juta untuk MSC itu penting sekarang ini? Bukan kita menentang pembangunan Multimedia ini, bagi kita, kita anggap wang itu lebih penting sekarang ini untuk membantu sektor pertanian, untuk membantu program luar bandar ataupun untuk membantu meringankan beban ibu bapa dalam bidang pendidikan.

Tetapi baru-baru ini diumumkan oleh Perdana Menteri RM600 juta untuk MSC. Saya katakan tadi apakah itu perkara immediate, perkara perlu sekarang ini, RM600 juta wang negara pergi kepada MSC sedangkan dulu janji di Parlimen ini pembangunan MSC akan dibangunkan oleh pihak swasta, pihak kerajaan hanya menyediakan infrastruktur. Sekarang ini kita bimbang RM600 juta ini bukan lagi infrastruktur sudah pergi kepada bentuk modal ataupun penggalakan membangunkan MSC ini.

Kita kata kita tidak menentang MSC tetapi prioriti kerajaan sekarang dalam keadaan ekonomi yang sedang menurun ini RM600 juta bantuan kerajaan untuk MSC saya tidak berapa setuju. Sepatutnya prioriti kita pergi ke arah 'food' sekarang ini, ini security yang utama, jangan jadi seperti di Indonesia, iaitu orang sudah merompak kerana hendak makan. Kita belum sampai peringkat itu, tetapi bahaya-bahayanya, bahang-bahangnya telah ada di kampung-kampung sekarang

ini. Misalnya, minggu ini 4,000 lebih pekerja dibuang daripada Seberang Perai, Sea Gates misalnya 4,000 ribu pekerja dibuang serentak. Selepas itu mereka balik kampung dan sebagainya, kalau ada tanah bercucuk tanam tidak apa, kalau tidak ada bagaimana.

Kita harap prioriti kerajaan sekarang menyelamatkan rakyat bukan disuruh kita menyelamatkan kompeni-kompeni atau syarikat-syarikat Multimedia yang kita lihat hasilnya ataupun kejayaannya sekarang masih di peringkat pembangunan tetapi yang immediate sekarang rakyat ialah masalah makanan. Ini yang perlu ditumpukan, jangan sampai jadi seperti di Indonesia.

Jadi, saya harap sungguh begitulah juga dengan Multimedia ini kita mahu maklumatnya cepat, tepat, tetapi kita lihat maklumat-maklumat kadangkala itu tidak cepat dan tidak tepat. Kalau berlaku kepada kerajaan, menguntungkan kerajaan - maklumat cepat, kalau berlaku kepada orang lain, merugikan kerajaan - maklumatnya lambat.

Misalnya keputusan pilihan raya Arau, dalam sistem moden ini pukul 12.00 baru kita dapat tahu, kenapa sistem Internet dan sebagainya pada hal kalau BN menang, pukul lapan kita sudah tahu. Huruf keluar "BN menang di Arau". Tetapi kalau parti lain menang, pukul 10.00 tidak keluar lagi berita, ertinya itu sahlah pembangkang menang. Itu yang boleh dibaca sekarang, jadi sepatutnya dalam communication yang moden sekarang ini sebarang berita hendaklah dipercepatkan, walaupun berita itu boleh mengejutkan pihak lain. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, walaupun ada tiga orang yang tunjuk minat hendak berucap tetapi nampaknya saya hanya akan beri peluang kepada seorang sahaja, sebelum Yang Berhormat Menteri diminta jawab. Ya, Balik Pulau.

5.36 ptg.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi [Balik Pulau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih dan minta maaf kawan saya yang lagi dua orang tidak dapat bercakap. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia ini akan menjadi satu jentera yang melaksanakan banyak daripada peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam Akta Komunikasi dan Multimedia yang telah kita luluskan kelmarin.

Dalam Akta ibu yang kita luluskan kelmarin, saya hendak tumpukan perhatian saya kepada peranan yang bakal dimainkan oleh Suruhanjaya ini untuk menjalankan Bahagian IV dalam Rang Undang-undang Akta Komunikasi dan Multimedia ini khususnya mengenai pengawalseliaan ekonomi. Kita tahu bahawa satu daripada asas untuk menyuburkan penemuan-penemuan baru dan juga untuk memberi manfaat yang terbanyak mungkin kepada pengguna dalam pasaran ialah kita adakan sebanyak mungkin persaingan dalam pasaran yang tersebut.

Di dalam Bahagian IV Akta Komunikasi dan Multimedia mengenai pengawalseliaan ekonomi ini, kita mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana misalnya dalam Fasal 134 Suruhanjaya ini boleh menyiarkan garis panduan untuk menjelaskan pengertian “mengurangkan persaingan dengan cukup besar”. Maknanya ini adalah langkah untuk memastikan bahawa pasaran komunikasi dan juga multimedia ini tidak dimonopolikan oleh mana-mana satu entity yang boleh mengurangkan persaingan dan seterusnya apabila tidak ada persaingan kita tahu dalam pasaran apa benda sekali pun maka kebajikan pengguna akan terjejas.

Satu yang menarik dalam teknologi kita cakap ini ialah daripada perkataan multimedia itu sendiri. Ia bermakna ada satu percantuman pelbagai teknologi dalam bentuk audio, visual ataupun cetak kepada satu medium. Maknanya, di satu pihak dari segi teknolginya kita dapat penyatuan teknologi-teknologi yang berlainan. Teknologi tentang cetak, teknologi tentang audio, tentang visual dan teknologi digital ataupun komputer ini.

Jadi penyatuan teknologi ini akan membekalkan kepada syarikat-syarikat yang berada dalam pasaran yang berlainan ini kuasa pasaran. Jadi apabila mereka yang terlibat dalam pasaran yang berlainan ini akan ada penyatuan dari segi teknologi ini maka dia akan membekalkan kepada firma tersebut kuasa pasaran dalam pasaran yang sebenar. Jadi pembekalan kuasa pasaran kepada entity yang memanfaatkan daripada convergence of technology ini akan menjadikan entity tersebut terlalu berkuasa dalam pasaran yang berkenaan.

Kita lihat satu daripada kes yang masih lagi berlarutan ialah kes yang dikenakan ke atas Microsoft kerana Microsoft merupakan satu syarikat yang sudah mula menguasai rantai dalam industri IT ini dengan begitu besar dan mereka dihadapkan ke Federal Trade Commission di Amerika Syarikat untuk memastikan bahawa mereka tidak menguasai pasaran sedemikian rupa.

Jadi saya, hendak sedikit penjelasan tentang apakah mungkin dalam rang undang-undang ini, Fasal 134 dalam Akta ibu, takrif “mengurangkan persaingan yang cukup besar” ini tidak diperjelaskan dan cuma dikatakan dalam subseksyen (2) garis panduan itu boleh memasukkan rujukan kepada macam-macam - (a), (b), (c), (d) sampai (g). Jadi kita ingin sedikit penjelasan kerana ini satu peruntukan dalam Akta ibu yang melonggokkan tanggungjawab ini kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, dan kita mahukan supaya walaupun belum dioperasikan apakah dia konsep-konsep persaingan yang hendak digunakan oleh Suruhanjaya ini ataupun yang telah difikirkan oleh Suruhanjaya ini untuk memberi takrif kepada seksyen-seksyen yang telah saya sebutkan tadi kerana itu sebenarnya adalah suatu yang cukup penting.

Saya rasa tidak cukup untuk kita kata perkara ini akan kita fikirkan apakala kita melaksanakan dasar ini. Sepatutnya benda-benda macam ini boleh kitaoperasikan sekurang-kurangnya pada peringkat konsep apa yang kita maksudkan dengan “persaingan” dan apa yang kita maksudkan dengan “mengurangkan

persaingan” ataupun “penghalangan kemasukan” di dalam pasaran-pasaran berlainan dalam rangkaian multimedia ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi peranan Suruhanjaya ini ialah dalam pengawalseliaan mereka yang diberi lesen untuk berbagai-bagai jenis penglibatan dalam industri ini. Saya cuma ingin mengemukakan satu pendapat bahawa adalah mungkin lebih baik kita tidak tekankan sangat pelesenan ini dalam industri ini kalaulah pelesenan ini bermaksud untuk mengawal selia ‘content’ ataupun apa yang dia boleh buat kerana orang yang duduk dalam industri yang kita hendak ‘regulate’ ini boleh buat macam-macam.

Saya rasa lebih baik kita kawal selia persaingan daripada kita kawal selia perlesenan untuk masuk dalam industri ini. Misalnya, saya rasa kalau kita kawal selia terlalu banyak dari segi perlesenan sebagai satu alatan pengawalseliaan, jadi lesen ini boleh menjadi satu ‘entry barrier’ kepada orang untuk masuk dalam industri ini. Kita harap kalau hendak juga ada perlesenan, ianya lebih bertujuan untuk mengumpul maklumat daripada untuk mengawal selia apa yang boleh dibuat.

Bukanlah saya hendak membenarkan ataupun memihak kepada pihak yang berkata kita tidak perlu kawal benda ini dari segi ‘content’ dan sebagainya, tetapi kita hendak supaya kita memperkayakan pasaran dengan membenarkan kemasukan berbagai-bagai firma dalam indsutri ini dan kita kurangkan ‘entry barrier’ itu dan barulah kita boleh memperkayakan persaingan yang mungkin ada. Daripada banyaknya persaingan yang ada ataupun kurangnya halangan yang ada dalam industri ini maka kita boleh mencetuskan penemuan-penemuan baru yang boleh menjadikan negara kita ini berada di hadapan sekali dalam pembangunan industri ini.

Kita juga sedar sebenarnya kerajaan telah memberi bill of guarantee, maknanya kerajaan juga telah mengiktiraf keperluan kebebasan itu tetapi saya rasa

ianya terhadap kepada kawasan Corridor Multimedia itu tetapi kita merasakan bahawa keseluruhan industri ini kalau kita betul-betul hendak menjadi tempat di mana kita mahu menjadi frontier industri ini, kita hendaklah benar-benar membenarkan kewujudan pelbagai jenis persaingan yang ada. Satu daripadanya yang perlu dikenalkan, dimainkan oleh Suruhanjaya ini selain daripada perlesenan tidak perlu sangat saya rasa, lebih banyak kepada regulating competition dalam industri.

Peranan kedua yang penting untuk Suruhanjaya ini ialah untuk memelihara kepentingan awam di dalam keseluruhan industri ini kerana Suruhanjaya ini mempunyai bidang kuasa juga dalam bidang komunikasi selain daripada multimedia, maka banyaklah juga yang akan diregulate bukan sahaja setakat Internet provider dan sebagainya tetapi juga pembekal-pembekal berita, pembekal-pembekal visual, televisyen dan sebagainya.

Saya harap pemeliharaan kepentingan awam akan menjadi satu-satunya peranan utama yang patut dipelihara oleh suruhanjaya ini, saya rasa kadang-kadang dalam kegairahan kita untuk mencetuskan sesuatu yang baru kita mengorbankan kepentingan awam. Kita pernah bangkitkan dalam Dewan ini misalnya, saya pernah beberapa kali dalam penyiaran RTM sendiri, kita telah, pada pendapat saya, mengorbankan kepentingan awam dengan kita membenarkan ruang udara ini diguna oleh syarikat-syarikat swasta. Tetapi pada masa yang sama kita mengeluarkan peruntukan perbelanjaan kerajaan kepada RTM, tetapi RTM boleh jual pula ruang udara yang mereka guna kepada pihak swasta untuk mereka buat duit. Pada masa yang sama juga RTM ataupun rakyat keseluruhan dikenakan lesen TV, jadi walaupun lesen ini mendatangkan hasil yang banyak kepada kerajaan, saya ingat Yang Berhormat Menteri kata RM60 juta setahun, tetapi konsep perlindungan hak awam dalam kes ini pada pendapat saya telah dikompromikan. Jadi mana boleh, kerajaan sebagai custodian of public interest yang menjaga ruang

udara ini bagi pihak keseluruhan rakyat, lepas itu bagi peruntukan kepada satu agensi kerajaan, dan agensi itu pula boleh jual ruang udara itu kepada peniaga-peniaga. Pada masa yang sama kerajaan juga mengenakan lesen kepada mereka yang ingin mendapat nikmat untuk melihat siaran-siaran televisyen di dalam negara kita ini .

Itu mengenai penyiaran, tapi dalam industri yang akan datang ini berkaitan dengan multimedia dan komunikasi ini, kita kenalah bersungguh-sungguh. Suruhanjaya ini adalah satu-satunya yang dipertanggungjawabkan untuk memelihara kepentingan awam. Saya ingin bertanya soalan sekali lagi, apakah takrif public interest di dalam konteks komunikasi dan multimedia seperti yang dibentangkan ini? Apakah dia public interest, di mana sempadan di antara kepentingan awam dengan kepentingan individu, kepentingan swasta misalnya? Di manakah sempadan dia? Apakah konsep yang kita hendak gunakan untuk menggariskan sempadan itu? Kita dalam Dewan ini kita enabling, kita hendak bagi benda ini jadi, tetapi tanggungjawab utama kita ialah sebagai Ahli Dewan Rakyat ialah memastikan bahawa kepentingan awam sentiasa dipelihara dalam apa-apa juga perundangan.

Kita ada bahagian dalam rang undang-undang yang asal ini untuk memelihara kepentingan pengguna. Kepentingan pengguna mungkin merupakan hanya sebahagian daripada kepentingan awam, kepentingan awam mempunyai takrif yang lebih luas. Kalau kita jaga kepentingan pengguna sahaja ianya tidak merangkumi keseluruhan apa yang kita hendak dari segi menjaga kepentingan awam, jadi takrif yang jelas tentang perkara ini kita pohon diberi dalam masa Yang Berhormat Menteri menjawab tentang perkara ini.

Perkara yang berikut, dalam pada suruhanjaya ini menjalankan tanggungjawab yang diperuntukkan kepadanya oleh Akta Komunikasi dan Multimedia ini, saya juga ingin penjelasan tentang kita kata tak masuk media

cetak dalam rangkuman ini, maknanya takrif komunikasi adalah tradisional. Tetapi perkataan multimedia itu sendiri membawa maksud bahawa dia multimedia. Kita boleh ambil satu benda dalam bentuk digital. Kita boleh ubah content digital itu dalam bentuk yang cetak, dan kita boleh ambil bentuk yang digital itu, kita boleh ubah dalam bentuk audio sahaja. Kita boleh ambil benda yang digital itu kita boleh ubah dalam bentuk visual sahaja, dan kita boleh ambil benda yang visual kita boleh ubah dalam bentuk yang digital, lepas itu kita boleh salurkan maklumat itu menerusi infrastruktur elektronik yang ada melalui internet dan sebagainya.

Jadi saya ingin bertanya kerana rang undang-undang ini tidak merangkumi media cetak tetapi kita guna perkataan multimedia, jadi agak janggal sedikit. Masa saya baca secara ringkas rang undang-undang ini mungkin tertinggal mana-mana seksyen dalam ini, kerana tidak berapa lengkap bagi saya untuk kita regulate apa telecommunication, audio visual dan juga data transmission melalui saluran infrastruktur internet ini tetapi pada masa yang sama kita tak rangkumkan sekali pengawalseliaan itu merangkumi yang cetak, kerana cukup senang hendak ubah dalam bentuk audio dalam yang cetak, dan cukup senang untuk ambil yang cetak dan kita masukkan dalam bentuk digital dan kita hantar melalui itu dan dia tukar balik bentuk dia. Jadi yang dikatakan tradisional ini media cetak misalnya ia tidak tradisional sangat, dan ia tidak kurang penting kerana kemampuan teknologi yang kita maksudkan ini nama dia sendiri pun multimedia. Maknanya dia boleh bertukar-tukar apabila dia sudah didigitalkan dia hendak tukar-tukar media. Jadi itu sebenarnya maksud multimedia dan teknologi membolehkan kita melakukan perkara yang tersebut. Jadi saya ingin sedikit penjelasan dari segi kenapakah tidak suruhanjaya yang bakal diwujudkan ini - Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia merangkumi keseluruhan aspek komunikasi dan media massa

termasuk benda-benda yang multimedia yang telah ada dalam rang undang-undang yang telah kita sediakan .

Perkara yang berikut yang saya harap akan diberi perhatian oleh suruhanjaya ini selain daripada isu yang telah dibangkitkan untuk memelihara misalnya ditubuhkan dana untuk memastikan mungkin ada subsidi untuk menjalankan fungsi-fungsi sosial. Kawan saya dari Batang Lupar tadi minta disubsidikan pembekalan perkhidmatan telefon, ada yang minta subsidi daripada pembekalan penyiaran TV dan sebagainya, menggunakan dana yang diperuntukkan dalam rang undang-undang ini. Kita kena sedar bahawa yang akhirnya yang menentukan sama ada berjaya ataupun tidak dalam konsep Korido Raya Multimedia ini ialah pengetahuan. Saya tidak hendak supaya kita lari daripada asas yang utama ini, bukan infrastructure fizikal yang akan menentukan Malaysia akan berjaya ataupun tidak dalam usaha ini.

Bukan laungan dan keghairahan menggunakan perkataan-perkataan multimedia IT yang akan menentukan sama ada Malaysia akan berjaya atau tidak dalam hal ini. Yang akan menentukan Malaysia berjaya atau tidak dalam hal ini ialah bagaimanakah kita boleh membangunkan sumber manusia kita, kepakaran kita, tahap pengetahuan dan kemahiran dalam negara kita yang boleh terlibat dalam usaha ini. Akhirnya, yang akan menentukan kita berjaya ataupun tidak, the human capital, knowledge. Kita perlu berhati-hati di dalam hal ini, kerana knowledge yang benar-benar, kadang-kadang orang kata IT ini very practical, orang yang tak perlu kelulusan yang tinggi pun lebih kurang boleh terlibat dalam IT. Bill Gates pun pergi Harvard tak habis undergraduate but he turned out to be, dengan izin, satu orang yang berjaya dalam bidang ini, tetapi orang tak sedar Bill Gates seorang usahawan, dan organisasinya terdiri daripada mereka yang benar-benar brilliant dari segi pengetahuannya, jadi kita hendak supaya dalam kempen keghairahan kita hendak meningkatkan kesedaran IT dan juga pembangunan

Koridor Raya Multimedia ini kita tekankan benar-benar kepada pembentukan sumber manusia, pembentukan modal manusia, ataupun tahap modal manusia dalam negara. Tidak ada substitute daripada knowledge

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: [*Bangun*]

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Parit Buntar Bangun

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Saya tertarik hati dengan kenyataan Yang Berhormat dari Balik Pulau bahawa untuk menentukan kejayaan dalam bidang IT kita mesti knowledge-based, mesti berpengetahuan. Apakah Yang Berhormat bersetuju bahawa kalau pengetahuan kita itu tak sebanyak mana tiba-tiba kita menceburkan diri dalam bidang ini kita selalunya melatah ataupun excited, seolah-olah benda yang kita discover itu sesuatu yang baru walaupun sebenarnya telah wujud lama. Jadi oleh kerana kita baru sedar benda ini ada, kita menjadi begitu ghairah, excited, sehingga menuduh orang lain bodoh daripada kita dan buta komputer. Apakah itu satu tindak balas yang lazim pada manusia yang baru mendapat alat-alat baru dalam hidup dia?

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Itu sebenarnya yang saya maksudkan dengan keghairahan tadi, Yang Berhormat Ketua Pembangkang, dia baru masuk agama IT ini, jadi bila kita baru masuk agama kita jadi terlalu ghairah dan terbawa-bawa dengan benda ini. Tetapi, baguslah semua orang excited, semua orang bercakap tentang IT, ada lagu IT, ada kempen banyak semua, hendak menyedarkan kita, tetapi kita kena tekankan, saudara saya daripada Parit Buntar, benda ini betul, benda ini bukan baru, benda ini pembentukan teknologi hendak membuat komputer ini sudah lama dan ia daripada hardware engineering telah membangun dengan pesat dalam tiga empat dekad yang lepas dan juga pembangunan daripada segi perisian pun membangun dengan pesat, tetapi kita kena sedar yang menjana pembangunan ini ialah pengetahuan. Kita takut nanti

kita sediakan infrastruktur, kita sediakan infrastruktur fizikal, kita sediakan infrastruktur perundangan yang melindungi intellectual property rights, dan macam-macam, kita belanja duit yang besar ini, tetapi kita tak ada orang yang cukup, tak ada orang yang cukup pengetahuan untuk mendapatkan manfaat yang sebanyak mungkin daripada benda ini atau orang lain yang datang yang memanfaatkan kesemua benda yang kita hendak bekalkan ini. Jadi akhirnya, ialah pengetahuan dan penekanan kepada pembentukan kepakaran dalam bidang ini adalah penting.

Inilah yang kita perlu, slogan yang kita perlu, because kita hendak reach kepada audience yang besar, keghairahan macam Ketua Pembangkang itu biar pi kat dia lah... dia seronok tak apa tetapi dari segi yang serius, dari segi Suruhanjaya ini dan juga kementerian pada keseluruhannya dan kerajaan sendiri hendaklah kita tekankan kepada pembentukan tenaga manusia mahir dalam bidang ini. Tetapi jangan pula kita jadi satu macam parochial pula dan sekarang ini kita tengok IPT awam, IPT swasta. Mentang-mentang dah IT multimedia, semua orang buat program IT. Bila sudah IT banyak sangat, emak bapa pun hendak hantar anak buat IT, sampai universiti pun universiti IT, universiti multimedia.

Jadi kita kena sedar sebenarnya kemampuan dalam teknologi ini datang daripada sama juga dengan convergence in technology. Dia convergence daripada bidang-bidang yang pelbagai. Kita kena tekankan misalnya, kemahiran pembentukan penguasaan mathematic dalam negara kita ini. Macam mana kita hendak ada front line, frontier punya peranan tetapi negara tidak mempunyai cukup ahli-ahli mathematics. Berapa jabatan dalam berapa universiti dalam negara kita ini yang ada menawarkan kursus sama ada dari peringkat ijazah Sarjana Muda ataupun sampai kepada Doktor Falsafah dalam bidang mathematics. Macam mana boleh kita membekalkan mereka yang boleh membantu dalam usaha ini kalau tidak

ada orang yang cukup ramai yang mempunyai kepakaran dalam mathematics. Sekarang ini kalau tanya anak-anak muda yang keluar STP atau habis SPM.....

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [*Bangun*]

Tuan Yang di Pertua: Batang Lupar bangun.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Batang Lupar bangun

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, saya ingin minta penjelasan, kalau tak setuju kata tak setuju, kalau setuju cakap setuju jugalah. Saya pernah menyarankan di Dewan ini kepada pihak Kementerian Pendidikan iaitu kita sepatutnya jangan lagi mengikut skim ataupun sistem pemberian sijil ke peringkat STPM macam dulu yang mana kita kalau kena lulus lima mata pelajaran baru bagi Sijil STPM, baru orang itu dibolehkan masuk universiti. Sepatutnya kita daripada peringkat awal lagi pada peringkat ini kalau hendak belajar soalan ijazah mathematics, orang ini perlu lulus mathematics, physics dan benda related subject sahaja, dan dibolehkan masuk universiti, tak payah lulus semua subjek, bermakna subjek itu terbuka supaya kita boleh menumpukan perhatian dan membanyakkan para saintis dan para lulusan daripada bidang-bidang terutamanya bidang mathematics. Macam mana, setujukah tidak Yang Berhormat soalan ini?

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Saya setuju diberikan sedikit fleksibiliti dalam pada kita hendak menilai kemampuan seseorang pelajar. Sekarang ini tidak perlu lagi konsep sijil penuh dan sebagainya. Tetapi yang kita bimbang sebenarnya ialah bila kita wujudkan satu imej IT dan multimedia ini yang tertentu sahaja, yang 'narrow' dia punya skop. Jadi message yang orang boleh faham khususnya daripada pelajar-pelajar ini pun jadi 'narrow' jadi dia tidak nampak 'connection' di antara misalnya bidang matematik dengan komputer sains bahawa dia perlu penguasaan dari segi pelbagai sub bidang dalam matematik untuk buat

komputer sains dan bagaimana komputer sains itu adalah bidang yang sebelah 'hardware'nya lain, sebelah 'software'nya lain dan orang-orang yang di sinilah bila digabungkan dengan seni dan juga grafik dan sebagainya yang akan menyumbang kepada pembangunan industri multimedia dalam negara kita.

Kalau kita tanya budak-budak sekarang ini, siapa yang hendak buat matematik? Tiada siapa yang hendak buat matematik, tanya yang hendak buat fizik ataupun kimia, siapa pun tidak hendak buat sebab rasa macam tidak glamour, Universiti Sains masih lagi ada, nasib baiklah ada penekanan daripada Universiti Sains, Universiti Teknologi ada lagi, Universiti Pertanian dia malu, dia pun tukar menjadi Universiti Putra, tidak mahu pertanian itu. Tetapi sains-sains tulen ataupun sains semulajadi (natural science) ini, matematik, fizik, kimia dan juga kaji hayat ini adalah merupakan tulang belakang kepada pembangunan tenaga manusia untuk kita jadikan penjana untuk kita jayakan konsep Koridor Raya Multimedia ini. Jadi macam juga kadang-kadang kita mahu mencetuskan pembangunan usahawan ini bila kita tekankan benda yang terlalu sempit jadi mesej yang kita beri kepada orang, dia macam ini dan macam ini sahaja. Kalau ditanya budak-budak, usahawan itu dia tidak hendak kaitkan dengan knowledge dan juga kemahiran. Usahawan dikaitkan dengan sifat-sifat yang lain. Jadi sebab itu kadang-kadang benda itu kurang berjaya [*Menteri Pendidikan masuk ke dalam Dewan*] Oleh kerana Menteri Pendidikan masuk, saya hendak pergi kepada benda lain. [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya kita hendaklah menyedari akan hakikat bahawa dalam sejarah manusia dan sejarah teknologi setiap kali kita alami cetusan teknologi yang baru, inovasi dan kreativiti yang mengubah teknologi dari satu tahap ke satu tahap yang lain proses ini sebenarnya adalah satu proses yang memusnahkan. Maksudnya satu proses penciptaan, proses inovasi adalah satu proses yang memusnahkan kerana ia mewujudkan sesuatu yang baru tetapi ia memusnahkan yang sedia ada dan pembangunan teknologi maklumat ini adalah

serupa juga. Ia akan memusnahkan banyak industri. Kemahiran baru menjadikan mereka yang sedia ada obsolete dan apa yang akan berlaku ialah jurang di antara mereka yang menguasai teknologi yang baru ini dan mereka yang tidak menguasai teknologi yang baru ini akan menjadi lebih jauh.

Kalau kita dengar perbincangan dalam dua hari yang lepas kita sedar bahawa ramai rakan saya bimbang tentang jurang ini. Apabila kita memasuki kepada ekonomi berdasarkan pengetahuan ini yang akan dijanakan oleh teknologi maklumat ini, sistem ini akan menghukum mereka yang tidak mempunyai kemampuan ini dengan lebih keras daripada sekarang ini. Oleh sebab yang demikian jurang antara mereka yang mampu menguasai teknologi pengetahuan baru ini dan mereka yang tidak sama ada jurang dari segi kedudukan sosial mereka, kedudukan ekonomi mereka akan menjadi lebih luas.

Teknologi ini juga akan membekalkan mereka yang ada di dalam bidang ini pulangan ekonomi yang cukup tinggi. Kalau kita tidak benar-benar jaga tentang memastikan bahawa sebanyak mungkin golongan dalam masyarakat dalam negara kita ini berkesempatan untuk mendapat pendedahan kepada pengetahuan dan juga kemahiran yang baru ini kita takut nanti akan wujud jurang yang luas antara mereka yang tahu dan mereka yang tidak tahu. Sekarang ini pun belum kita 'knowledge base' lagi pun 'skills base' yang masih 'classical skills'nya, jurang di antara mereka yang ada kemahiran dengan yang tidak ada kemahiran adalah begitu tinggi. Jadi ini adalah satu perkara yang kita kena memberi perhatian kerana kita tidak mahu nanti, pertamanya kita membekalkan kesemua infrastruktur perundangan dan fizikal dan sebagainya dan kita beri insentif-insentif ekonomi dan sebagainya tetapi orang dari luar negara kita akan dapat manfaat dari benda ini jauh lebih banyak daripada rakyat kita sendiri.

Keduanya, sebilangan kecil sahaja rakyat dari negara ini yang akan mendapat manfaat dan pulangan-pulangan yang bersesuaian dan yang lainnya akan

ketinggalan jauh di belakang. Oleh sebab itu jugalah saya harap dalam keghairahan kita mahu mengetengahkan revolusi teknologi maklumat ini kita jangan rasa bahawa sektor-sektor yang 'tradisional' ini kita rasa tidak penting. Serupalah seperti yang saya katakan tadi misalnya media cetak masih lagi penting dan industri-industri yang lain yang masih belum disentuh oleh IT ini adalah juga sangat penting kerana terdapat ramai orang dalam sektor-sektor yang tersebut.

Akhirnya yang paling penting ialah kita kena ada perubahan dari segi keseluruhan 'mind set' kita dalam kita mahu berdepan dengan teknologi ini, mahu tidak mahu, kena ada sedikit keterbukaan dan juga liberalisme dalam pengaliran maklumat ini kerana kalau tidak, kalau kita masih berpaut kepada 'paradigm' yang berlainan maka teknologi ini akan memastikan bahawa benda yang kita hendak buat itu, tidak boleh kita hendak buat. Jadi bagaimana kita mahu mendapat satu keseimbangan untuk menjaga ketenteraman awam, hubungan baik, perpaduan di antara rakyat, tidak beri bergaduh tetapi pada masa yang sama kita tahu bahawa aliran maklumat itu tidak boleh kita hendak tahan. Pada masa yang sama kita mempunyai agenda tertentu untuk memelihara kestabilan, keharmonian dalam negara kita. Tetapi maklumat itu boleh kita dapati daripada pelbagai sumber, saya boleh access kepada mana-mana pembekal berita dan menukarkan apa yang saya lihat dalam skrin kepada hard copy dan edarkan hard copy yang tersebut. Kalau orang tidak memberi pengiktirafan kepada apa maklumat yang mereka dapat dalam negara, mereka akan pergi merayau untuk mencari maklumat di merata tempat dan mereka boleh ubah digital form itu kepada bentuk yang tradisional dalam kertas dan mereka edarkan maklumat yang tersebut. Jadi kita kena carilah sedikit kerana kita hendak 'embrace technology' ini kita kena fikirkan bagaimana kita hendak mencari satu keseimbangan (balance) antara mahu memelihara asas-asas kestabilan dalam negara kita keselamatan hubungan kaum dan sebagainya dan pada masa yang sama menerima teknologi yang membenarkan aliran maklumat

yang begitu bebas. Jadi ini bukan kerja saya, saya minta kalau boleh Yang Berhormat Menteri memperjelaskan perkara-perkara yang kita bangkitkan.

Akhirnya, saya harap kita kelak nanti akan berjaya dalam menjadi salah satu daripada negara yang berada di hadapan (frontier) pembangunan dan juga penggunaan teknologi maklumat dalam apa bentuk komunikasi, multimedia dan sebagainya dan kita mendapat manfaat sebanyak mungkin daripada industri ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Menteri diminta jawab.

6.10 ptg.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Datuk Leo Moggie anak Irok]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada ramai Ahli Yang Berhormat yang telah terlibat dalam perbincangan berkaitan dengan Rang Undang-undang Suruhanjaya, Komunikasi dan Multimedia daripada semalam dan juga pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah dapat hendak menghuraikan jawapan satu persatu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Tetapi apa yang saya cuba buat ialah untuk membuat penerangan secara umum berkaitan dengan perkara-perkara yang telah disentuh. Seperti yang kita terangkan di waktu membentangkan rang undang-undang semalam, ianya diwujudkan bagi menubuhkan satu badan yang boleh bertugas, mengawal selia industri komunikasi dan multimedia. Dan dengan itu oleh kerana kita memahami kedudukan industri ini amat akan berubah dengan cepat bahkan berubah dengan tidak menentu lagi.

Oleh sebab itu kita memberi dorongan kepada suruhanjaya ini untuk membuat apa-apa cara misalnya untuk membantu Menteri yang dipertanggungjawab untuk mencadangkan perubahan polisi dan sebagainya. Dan khususnya untuk menentukan bahawa apa-apa perkara yang termaktub di dalam

akta asal iaitu Akta Komunikasi dan Multimedia itu boleh diuruskan dengan tersusun, dengan teratur, dengan sebaik-baiknya mengambil kira keadaan industri yang kita belum lagi faham dengan sepenuhnya dalam masa akan datang.

Walaupun demikian beberapa perkara yang disentuh saya suka memberi penerangan sedikit. Pertamanya dari segi kedudukan keperluan membangunkan *human resource development* bagi menentukan negara kita dapat menerima nikmat yang baik dari segi perkembangan teknologi yang baru ini. Saya sukalah menerangkan bahawa kita tidak harus melihat kedudukan persediaan *human resource* ini dari segi undang-undang ini sahaja. Kita harus melihatkannya dari segi bentuk polisi kerajaan pada keseluruhannya.

Misalnya kementerian pendidikan memang sudah pun menyusun beberapa peraturan dan beberapa polisi yang tertentu untuk menggalakkan ramai lagi rakyat tempatan kita ini dapat mempunyai kuasa dan dapat menambahkan pengetahuan mereka dari peringkat sekolah lagi sampai ke atasan dalam bidang teknologi dan maklumat. Menteri Pendidikan sendiri pun telah mengesahkan apa yang telah saya sebutkan itu tadi.

Yang keduanya Tuan Yang di-Pertua, khusus dalam kita membangunkan MSC yang ada disentuh oleh beberapa Ahli Yang Berhormat, kita telah juga menggalakkan bukan sahaja penubuhan universiti kita sendiri seperti Multimedia Universiti dan sebagainya. Kita juga telah memberi pengiktirafan MSC status kepada beberapa universiti tempatan, termasuk universiti swasta untuk mereka melibatkan diri dalam mengadakan kursus yang berbentuk IT, yang berbentuk multimedia dan secara langsung dapat memberikan sumbangan, menambahkan rakyat yang mempunyai kemahiran dalam bidang tersebut.

Juga kita menggalakkan bagi syarikat-syarikat yang melabur dalam pihak MSC sendiri untuk boleh membawakan kakitangan mereka pada awalnya. Kita tidak mengehendkan berapa yang boleh dia bawa asalkan mereka itu ditakrifkan

sebagai orang yang bekerja dalam bidang yang ditentukan. Ini sedikit sebanyak kita fikir akan dapat membantukan. Walaupun demikian kita faham bahawa kedudukan keperluan IT, literate dan information, dengan izin, employees bukan sahaja kurang di negara kita ini bahkan kurang dalam seluruh dunia pun. Keadaan ini berlaku di Amerika Syarikat, Eropah, Jepun dan sebagainya dan juga akan berlaku di negara kita. Dan kita faham inilah satu cabaran yang perlu kita hadapi, yang perlu kita atasi dengan berbagai cara.

Termasuk juga kalaulah seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat dari Kepong, ada rakyat Malaysia yang masa kini masih bertugas di luar negara yang mempunyai niat untuk hendak balik ke negara kita ini, kita memang mengalukan mereka untuk bersama-sama dengan kita di sini untuk membangun bahkan ada juga mereka yang selama ini sudah bertugas di Amerika Syarikat dan terlibat dalam syarikat-syarikat di negara yang lain, ada juga walaupun saya tidak mempunyai angka dari segi jumlahnya tetapi saya tahu memang ada juga mereka yang telah balik ke negara kita ini sama melibatkan diri dalam menguruskan dan membangunkan projek-projek di MSC.

Perkara yang juga disentuh berkaitan dengan priority investment dan sebagainya, ada disuarakan antara lain oleh Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian, sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang mempunyai prioriti yang diperlukan dari segi pembangunan negara bahkan dalam kita melihat untuk membaikpulihkan kegawatan ekonomi kerajaan menerusi MTEN telah pun membuat cadangan yang tertentu untuk manakah industri, manakah sektor yang diberi tumpuan termasuklah membangunkan infrastruktur yang terpenting sekali untuk menentukan pembangunan dan construction industry dan sebagainya terus berjalan dengan baik di negara kita ini.

Kita juga memberi tumpuan untuk membangunkan agriculture dan production misalnya, kita juga memberi tumpuan untuk membangunkan

pendidikan dan sosial dari segi kesihatan dan juga kita memberi tumpuan untuk menambahkan bilangan rumah kos rendah dan sebagainya di negara kita ini sebagai priority sectors. Tetapi kita juga tidak mahu melupakan bahawa IT industry akan menjadi satu industri dalam abad yang akan datang memerlukan persediaan kita dari sekarang. Kalau kita tidak menyediakan diri dari sekarang, kita khuatir apabila tiba masanya nanti, walaupun kegawatan kita faham, kita tidak mahu ketinggalan apabila masa itu tiba nanti. Oleh itu, kerajaan memikir satu dari projek yang harus juga dikekalkan sebagai projek yang penting ialah membangunkan MSC.

Oleh sebab itu juga, kerajaan terus memberi peruntukan yang dilaporkan RM600 juta ini sebagai membangunkan infrastruktur di MSC bukan untuk memberi modal bagi syarikat-syarikat yang terlibat tetapi untuk membangunkan infrastruktur dan dengan pembangunan infrastruktur itu, syarikat yang telah berminat untuk melabur di MSC akan diberi keyakinan bahawa amat seriuslah kerajaan kita ini, amat seriuslah negara kita ini untuk membangunkan industri tersebut.

Kita berharap dengan tindakan serupa itu ianya akan dapat membantu kita sekarang dalam membaikpulihkan kegawatan ekonomi yang berlaku dan juga memberi persediaan bagi kita menghadapi cabaran ekonomi yang akan kita percaya akan menentang dunia atau global iaitu ekonomi berasaskan information dalam abad yang akan datang ini.

Beberapa perkara yang tertentu juga disentuh oleh beberapa Ahli Yang Berhormat, misalnya banyak Ahli Yang Berhormat yang menyentuh Y2K isu ini. Sebenarnya, semalam saya telah pun memberi jawapan berkenaan Y2K jadi, saya fikir tidak payahlah saya hendak memanjangkan jawapan berkaitan dengan perkara ini cuma saya suka hendak mengambil peluang untuk menarik Ahli Yang Berhormat sekalian iaitu minat telah dipanjangkan dalam perbahasan ini dan saya

mintalah bantuan biarlah kita bersama untuk memberi kesedaran kepada ramai orang di luar untuk mereka bersama-sama menambahkan kesedaran dari segi kemungkinan kesan Y2K ini berlaku.

Walaupun kita mengakui kita tidak mahu panicky dalam hal ini dan kita tidak harus pisimistik sangat kerana yang sebenarnya seperti yang disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Rompin, Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar tadi, sebenarnya tidak ada negara pun yang boleh membuat penentuan yang amat tepat apa sebenarnya yang akan berlaku. Kita mempunyai anggapan dari segi pengalaman komputer yang ada dan justeru itu kita memikirkan kalau perkara-perkara yang tertentu tidak dibuat, akibatnya akan berlaku begini. Itu adalah dari penglihatan kita, walaupun demikian, kita tidak mahu misalnya get caught without hands down, dengan izin.

Oleh itu, walaupun kita tidak boleh menentukannya dengan tepat, kita harus juga membuat persediaan, tetapi jangan kita mula membuat persediaan dengan tergesa-gesa, dengan panicking dan sebagainya, kita mengambil serius dan oleh sebab itu kerajaan membentuk suatu steering committee yang dikelolakan di bawah kementerian saya sendiri untuk kita membuat monitoring apa yang dibuat oleh khususnya dari syarikat-syarikat dan dari hal ini kita perlu menentukan apakah bentuk sektor yang mempunyai prioriti di dalam perkara ini dan kita memberi tumpuan kepada perkara yang tersebut.

Ada juga perkara yang disentuh iaitu berkaitan dengan infrastruktur dan kos infrastruktur bagi MSC misalnya Telekom dan sebagainya. Sebenarnya, dalam kita memberi cadangan membangunkan MSC, satu dari perkara yang ditentukan ialah keperluan infrastruktur telekomunikasi. Kalau tidak ianya tidak akan menarik pelabur-pelabur untuk melabur di tempat itu.

Oleh sebab itu, kita telah menetapkan biarlah satu syarikat unggul sahaja yang membuatkan backbone system di MSC dan dengan cara itu kita berharap

mereka boleh membangunkan rangkaian yang canggih dan sebenarnya rangkaian yang dipasangkan sekarang ialah rangkaian berbentuk optic fibre yang mempunyai bandwidth yang cukup dan harga yang ditawarkan ialah berasaskan competitiveness dan competitiveness ini kita sengaja tidak memberi laporan yang luas, kita memberi jaminan kepada syarikat yang diberi MSC status bahawa mereka diberi janji di bawah Bill of Guarantees yang telah ditetapkan, mereka boleh menerima layanan yang lebih dengan harga yang kompetitif dengan beberapa janji dari segi communication service dan mereka telah dihubungi secara direct, dengan izin, kerana kita tahu bahawa dalam syarikat perdagangan, competition akan tentu berlaku dan kita tahu juga syarikat-syarikat luar juga hendak melihat apa harga yang kita tawarkan, dia melihat, dia boleh juga untung lagi dari apa yang kita tawarkan dan sebab itu dari segi strategy marketing difikirkan lebih sesuai dan lebih memadai jika itu diberi secara perhubungan langsung dengan syarikat yang telah pun diberi MSC status.

Berkaitan dengan soalan adakah KLIA ini disediakan dengan rangkaian komunikasi yang berlainan dari apa yang telah ada di Subang, saya diberi fahaman oleh pihak yang membangunkan KLIA dan juga oleh MAB bahawa mereka memang memasang rangkaian yang baru, yang mempunyai sistem yang baru, yang mempunyai alat yang baru - SDH system, digital system dan sebagainya dan juga mereka menyediakan rangkaian yang baru dan tidaklah yang berasingan dari apa yang dibuat di Subang.

Walaupun demikian, memang ada sambungan, kalau kita hendak membuat panggilan dari luar, misalnya Ahli Yang Berhormat dari Kepong hendak membuat panggilan menggunakan telefon, memang telefon yang digunakan beliau di klinik di Kepong, sudah tentu saluran itu sedikit sebanyak ada juga menggunakan saluran yang sedia ada dari rangkaian yang telah pun dipakai oleh Ahli Yang Berhormat.

Walaupun demikian, apabila masuk ke dalam bangunan KLSE ini rangkaian persendirian yang menyambungkan, yang connect the call to the one that you are talking within the building, dengan izin.

Jadi, itulah penjelasan dari segi itu dan dari segi penglibatan syarikat-syarikat Multimedia Super Corridor, memang kita menggalakkan penglibatan syarikat tempatan dan sehingga hari ini 22 Julai, bilangan syarikat Malaysia mengikut maklumat seperti yang diberi oleh pegawai di belakang, bertaraf MSC, pegangan saham Malaysia ialah lebih daripada 51% ke atas adalah 77 dan daripada bilangan ini kira-kira 28 syarikat atau 36% tersebut adalah syarikat bumiputera di mana pemegang saham bumiputera lebih daripada 51%.

Lima buah syarikat mempunyai pegangan saham bumiputera di antara 30% hingga 50% dari daripada 77 buah syarikat tersebut setakat ini, lima buah syarikat telah menyatakan hasrat mereka untuk disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur atau di MISDEC. Keseluruhannya pada hari ini 147 buah syarikat telah pun diberi dan mendapat status MSC.

Ini bermakna nampaknya berjaya dan nampaknya minat itu memang ada dan ada juga disentuhkan apakah skim yang diperkenalkan oleh kerajaan untuk mendukung mereka dan beberapa sokongan untuk membantu syarikat tempatan melabur dan menyertai dalam MSC memang pun sudah ada. MDC baru-baru ini telah menubuhkan pusat khidmat nasihat iaitu MDC Access dan ini membantu syarikat-syarikat tempatan dalam penglibatan mereka dalam MSC.

Saya minta maaf kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang, oleh kerana masa kita sudah pun tiba dan saya melihat jam pun sudah pendek, esok hari ada rang undang-undang yang lain, walaupun saya tidak menjawab dengan satu persatu, saya memberi jaminan bahawa ianya akan diteliti. Terima kasih.

USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

6.30 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

**Penghapusan Etnik di Kosovo Memerlukan
Tindakan Tegas Khususnya Oleh Negara-negara
Umat Islam Termasuk Malaysia**

6.31 ptg.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua, penghapusan etnik di Kosovo memerlukan tindakan tegas khususnya oleh negara-negara umat Islam termasuk Malaysia. Dengan ini sepatutnya telah meluluskan usul khas sebagaimana yang pernah dibuat dimasa lalu mengenai penghapusan etnik di Bosnia-Herzegovina. Umat dan negara yang bertamadun seharusnya mengutuk sikap hipokrit atau double standard, dengan izin, badan dunia dan kuasa-kuasa Barat yang sengaja membiarkan rakyat Kosovo dizalimi demi maksud jahat itu iaitu penghapusan etnik dan perluasan kuasa Yugoslavia.

Memandangkan badan dunia khususnya PBB tidak berkesan, sudah tiba masanya Malaysia mengambil inisiatif untuk menggerakkan negara OIC bertindak mengadakan pemulihan keamanan di Kosovo, jika perlu walaupun dalam kegawatan ekonomi, pasukan tentera pengamanan hendaklah dihantar di Kosovo.

Namun demikian, peranan tentera pengaman itu bukanlah seperti yang dilakukan di masa lalu. Tentera kita hanya berdiam diri melihat rakyat Bosnia-Herzegovina dibunuh, dirogol di depan mata mereka. Ini maklumat yang kita perolehi.

Jika sekiranya tentera rasmi tidak dapat dikerahkan atas sebab dolak-dalih dan sebagainya, sudah sampai masanya satu panggilan jihad sukarelawan seluruh dunia umat Islam tanpa kecuali perlu dikerahkan untuk mengamankan keganasan dan kezaliman di Kosovo. Jika diizinkan saya yakin semua badan-badan Islam di negara ini sanggup menggembleng tenaga untuk tujuan tersebut atau badan-badan NGO yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan penjenayah perang Bosnia-Herzegovina masih bebas berlelgang kangkung tanpa sebarang hukuman dikenakan, maka Malaysia patut menyuarakan secara tegas penjenayah perang di Kosovo perlu dibicarakan dengan segera tanpa menunggu lebih banyak mangsa dan juga warisan peradaban yang tidak bernilai harganya terkorban dengan sia-sia. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, diminta jawab.

6.33 ptg.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan pendirian Kementerian Luar Negeri atas perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tumpat tadi bahawa situasi di Kosovo kini amat tegang oleh kerana keganasan oleh tentera Serbia terhadap tentera pembebasan Kosovo (KLA) semakin meningkat.

Tindakan oleh tentera Serbia telah melibatkan juga orang-orang awam Kosovo di mana kini jumlah pelarian Kosovo yang lari ke negara-negara jiran telah hampir kepada 70,000 orang dan jumlah kematian pula dianggarkan seramai

400 orang. Jika situasi ini di Kosovo tidak kita tangani dengan lebih teliti dan segera, maka dikhuatiri ianya akan menjadi lebih serius dan akan mengancam keselamatan dan kestabilan beberapa buah negara di timur Eropah, timur selatan Eropah dan juga Eropah pada keseluruhannya. Masyarakat antarabangsa telah pun memberi tumpuan yang serius terhadap isu di Kosovo ini.

Jadi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah melaksanakan resolusi terhadap negara bekas Yugoslavia ini bagi menyekat penjualan dan pembekalan senjata api, bahan-bahan senjata api dan juga kenderaan tentera serta alat gantinya.

Malaysia sebagai ahli PBB turut menyokong akan resolusi ini. Malaysia turut memberi sokongan moral terhadap negara-negara Kesatuan Eropah dalam usaha-usaha bagi menangani masalah di Kosovo termasuk penguatkuasaan sekatan senjata ke atas Serbia. Pengharaman pesawat-pesawat Yugoslavia melalui udara antara EU dan Republik Yugoslavia dan juga pembatalan visa kepada rakyat Republik Yugoslavia dan juga pembekuan harta dan pelaburan baru di Serbia.

Malaysia juga menyokong usaha-usaha negara-negara kumpulan penyambung ke arah mencari jalan penyelesaian kepada masalah di Kosovo. Sebagai anggota OIC, Malaysia juga turut mengutuk sekeras-kerasnya akan keganasan yang berleluasa dan pencabulan hak asasi manusia oleh pihak Serb ke atas orang-orang awam di Kosovo dan juga menyeru masyarakat antarabangsa untuk mengambil tindakan bagi membatalkan semua undang-undang yang bersifat diskriminasi yang berkuatkuasa mulai 1989 di negara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, di samping tindakan di atas, Malaysia telah menyeru masyarakat antarabangsa supaya menentang sekeras-kerasnya tindakan kejam oleh tentera Serb ke atas orang-orang awam di Kosovo. Pihak Serb juga diseru agar mematuhi pendapat antarabangsa untuk membawa masalah di Kosovo ke meja rundingan. Sekian, terima kasih.

[Ucapan Penangguhan - Y.B. Tuan Lim Guan Eng tidak hadir]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut Peraturan Mesyuarat 17(4), Majlis Mesyuarat ini hendaklah ditangguhkan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Majlis Mesyuarat akan bersidang semula pada jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.35 petang.